

BAB 4
ANALISIS KESESUAIAN TERJEMAHAN AYAT AMTHĀL
MUṢARRAḤAHTAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN

Bab ini akan membincangkan kesesuaian terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman bagi menyampaikan makna yang tersirat disebalik perumpamaan. Dalam menilai kesesuaian gaya terjemahan tersebut, pengkaji mendapati jika terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman tidak jelas maka pengkaji akan merujuk tiga tafsir tambahan untuk mendapatkan tafsiran yang mudah serta menjadi asas kepada terjemahan. Antara kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan adalah:

- i. *Tafsīr al-Jami' li aḥkām al-Qur'ān* karangan al-Qurṭūbī.
- ii. *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm* karangan Ibn Kathīr.
- iii. *Tafsīr al-Munīr Fi 'Aqīdah wa al-Sharī'ah Wa al-Manḥāj* karangan Wahbah al-Zuhaylī .

Secara ringkasnya, kitab-kitab tafsir berikut telah menjadi pilihan pengkaji kerana keistimewaannya tersendiri. Antara faktor yang mendorong pengkaji memilih, *Tafsīr al-Jami' li aḥkām al-Qur'ān* sebuah kitab tafsir yang juga menggunakan metode gabungan iaitu tafsir *bi al-Ma'thur* dan tafsir *bi ra'y*. Dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran, al-Qurṭūbī akan menyebut ayat-ayat lain dan hadis Nabi yang berkaitan dengan ayat tersebut. Disamping itu, terdapat juga pendapat para sahabat, tabi'in dan tokoh-tokoh tafsir serta mengambil pendapat yang kuat sebagai dalilnya (Sholeh, 2013). Tukar rujukan

Seterusnya, *Tafsir al-Qur'ān al-Azīm* kerana ia tafsir klasik, aliran tafsir *bi al-Ma'thur* dan juga banyak digunakan dalam kalangan masyarakat Islam (Sunaryanto, 2022). Seterusnya, *Tafsir al-Munir* merupakan aliran tafsir *bi al-Ma'thur* dan tafsir *bi ra'y*, berbentuk kontemporeri, mudah difahami oleh pelbagai kalangan masyarakat kerana tersusun dan terperinci (Islamiyah, 2022). Tambahan pula, pengkaji berpandangan ketiga-tiga kitab ini sesuai dan relevan bagi mendapatkan penilaian daripada sumber yang autentik.

4.1 Analisis Kesesuaian Terjemahan Ayat *Amthāl Musarrahah*

Kajian ini akan membuat analisis kesesuaian terjemahan terhadap 33 ayat *amthāl muṣarrahah* yang dijumpai dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih. Kemudian, pengkaji akan meneliti setiap terjemahan tersebut bagi menilai kesesuaian terjemahan berdasarkan kitab-kitab tafsir pilihan yang muktabar. Hal ini kerana, pengkaji ingin menilai konteks terjemahan yang dihasilkan oleh Abdullah Basmeih memberikan kefahaman yang baik dalam menjelaskan maksud tersirat bagi setiap perumpamaan tersebut.

4.1.1 Al-Baqarah: 17 – 18

Teks sumber:

﴿مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْفَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي

ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ۗ صُمُّ بُكْمٌ عُمِّي فُهِمٌ لَا يَرِجْعُونَ ۗ﴾

Teks terjemahan:

Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan

cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun) (17) Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta (*); dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran) (18)
Nota kaki :


(*Kerana mereka tidak mahu mendengar, tidak mahu mengakui kebenaran, dan tidak mahu pula memandang dan memerhatinya.

Berdasarkan ayat 17 dan 18 dalam surah al-Baqarah membincangkan tentang perumpamaan golongan munafik. Menerusi bab yang lepas, pengkaji telah menganalisis konteks terjemahan pada ayat berikut dengan merujuk kitab *Mafātih al-Ghayb*. Pengkaji telah menemukan bahawa konteks terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **hampir tepat** dengan tafsiran al-Razi.

Rumusan pengkaji: Pengkaji merumuskan konteks terjemahan Basmeh dilihat **kompleks** dan **kurang difahami**. Hal ini kerana, terjemahan Basmeh menceritakan tentang perumpamaan golongan munafik seperti keadaan api menyala lalu lenyap, setelah Allah SWT melenyapkan api tersebut mereka dibiarkan dalam kegelapan. Pengkaji berpandangan bahawa Basmeh tidak menjelaskan maksud tersirat bagi keadaan tersebut. Namun, pengkaji akan meninjau bagaimana pula tiga kitab tafsir pilihan memberikan tafsiran serta perbincangan menurut ayat berikut. Berikut adalah tafsiran mengikut kitab:

Jadual 4.1: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 17-18

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Al-Qurtūbī	<p>Orang munafik menunjukkan perihal keimanannya sebagaimana seseorang muslim dalam hal perkahwinan, waris-mewaris, pembahagian harta rampasan perang dan jaminan keamanan diri, keluarga dan harta, sama seperti orang yang menyalakan api di malam gelap gulita. Semasa itu, mereka diberikan cahaya dan melihat apa yang harus mereka takuti mahupun hindari. Disaat api terpadam, mereka pun bingung dan kecewa terhadap gangguan tersebut. Golongan munafik ketika beriman, mereka tertipu dengan kata iman dan setelah meninggal dunia mereka menerima azab yang pedih. Al-Qatadah menyebut bahawa tuli, bisu dan pekak adalah mereka yang tidak bercakap, tidak mendengar serta melihat yang haq.</p>
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Allah SWT membandingkan sikap golongan munafik iaitu membeli kesesatan dengan petunjuk dan perubahan dari celik menjadi buta seperti orang yang menyalakan api. Tatkala, api itu menerangi sekitarnya, mereka dapat melihat suasana di sebelah kiri mahupun kanan. Dengan tidak disangka-sangka bila api terpadam sehingga mereka benar-benar dalam kegelapan, ia tidak dapat melihat dan tidak memperoleh hidayah. Keadaan berikut ditambahkan lagi dengan situasi dirinya yang tuli sehingga tidak boleh mendengar, bisu sehingga tidak boleh berbicara dan buta sehingga tidak boleh melihat. Hal ini mengakibatkan mereka tidak dapat kembali ke tempat semula. Demikian pula keadaan orang-orang munafik yang menukar kesesatan dengan petunjuk dan mencintai kebatilan daripada kebenaran. Pada perumpamaan ini disebutkan juga terdapat bukti bahawa pada mulanya orang munafik beriman kemudian kafir. Seterusnya, hilangnya cahaya itu kerana Allah SWT telah mengambil sesuatu yang bermanfaat daripada mereka serta membiarkan mereka dalam keadaan bahaya iaitu kebakaran dan asap. Disifatkan mereka yang dibiarkan dalam keadaan gelap kerana keraguannya, kekufurannya dan kemunafikannya. Malah, disebutkan juga tidak mahu mendengar kebaikan, tidak membicarakan perkara yang bermanfaat serta hati yang buta. Oleh disebabkan itu, mereka tidak dapat kembali kepada yang haq.</p>
Tafsir Munir	<p>Golongan munafik menunjukkan keislaman mereka dalam tempoh yang singkat. Mereka berasa aman bagi diri dan anak-anak mereka. Keadaan berikut diumpamakan seperti suasana orang yang menyalakan api untuk menikmati faedahnya. Lalu setelah itu, api itu menyinari di sekeliling mereka dan menikmatinya dalam waktu yang pendek serta Allah SWT melenyapkannya dengan hujan lebat atau angin kencang. Mereka dibiarkan dalam keadaan kegelapan disebabkan lenyapnya cahaya itu. Dikatakan “tuli” kerana tidak mahu mendengar nasihat, “bisu” kerana tidak mahu bertanya tentang kebenaran serta “buta” sebab tidak dapat melihat petunjuk. Mereka kekal dalam kesesatan dan tidak kembali ke jalan kebenaran.</p>



Rajah 4:1: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 17-18

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak nota kaki: Keadaan golongan munafik yang pura-pura beriman dan sentiasa berada dalam kebingungan serta kesesatan. Mereka juga akan mendapat azab yang pedih daripada perbuatan mereka itu di akhirat kelak.

4.1.2 Al-Baqarah: 19 – 20

Teks sumber:

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ
 الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ۙ ۱۹ يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ كُلَّمَا
 أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرَهُمْ
 إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۙ ۲۰

Teks terjemahan:

Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebih lebat dari langit, bersama-sama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu. (19) Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan; mereka tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan

pancarannya) mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya dihilangkannya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah maha kuasa akan tiap-tiap sesuatu. (20)

Pada ayat 19 dan 20 dalam surah al-Baqarah turut memberikan perbandingan berkaitan dengan golongan munafik akan tetapi menunjukkan keadaan yang berbeza. Terjemahan ayat berikut memperlihatkan **hampir bertepatan** berdasarkan tafsiran *Mafātih al-ghayb*.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih tidak jelas kerana sukar difahami maksud sebenar yang hendak disampaikan melalui ayat tersebut. Basmeih menjelaskan secara zahir tentang sikap golongan munafik seperti ditimpa hujan yang amat dahsyat sehingga menyebabkan menyakitkan telinga mereka. Dalam pada itu, terdapat juga cahaya daripada kilat tersebut sebagai tanda selamat untuk mereka dan jika gelap mereka merasa cemas. Maka, Allah SWT berhak ke atas mereka. Pengkaji juga berpendapat, konteks terjemahan Basmeih berbentuk **kompleks** dan **kurang difahami**. Namun, pengkaji akan meneliti kitab tafsir dibawah bagi membina konteks terjemahan yang bersesuaian :-

Jadual 4.2: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 19-20

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Ayat 19, Allah menyamakan keadaan orang munafik dengan keadaan saat hujan turun; gelap-gulita, guruh, kilat dan petir. Gelap gulita bererti kekufuran yang mereka yakini, sedangkan guruh dan kilat adalah siksaan yang diberitakan kepada mereka. Adapun Allah SWT mengibaratkan al-Qur'an dengan hujan. Hal ini kerana, al-Qur'an membuatkan merasa terasa diganggu. Buta umpama kegelapan, guruh umpama ancaman dan kecaman, kilat umpama cahaya dan petunjuk dan petir umpama kandungan dalam al-Qur'an seperti seruan perang di dunia dan siksaan akhirat. Adapun menyatakan bahawa petir adalah perbandingan kewajipan agama yang tidak mereka senangi; jihad, zakat dan lain-lain. Seterusnya, ayat 20 menerangkan bahawa seseorang yang menjadikan <i>al-barq</i> sebagai perumpamaan untuk ancaman, maka ia bermaksud

		<p>ketakutan yang hampir menghilangkan pandangan mereka. Manakala, <i>al-barq</i> yang diterjemah sebagai kandungan al-Qur'an maka ia bermaksud hadir kepada mereka keterangan yang menyilaukan mereka. Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas; setiap kali mereka mendengar ayat al-Qur'an dan melihat buktinya, mereka terima dan ikutinya. Jika mereka merasa berat, mereka berhenti. Disini jelas akan kemunafikannya.</p>
Tafsir Kathīr	Ibn	<p>Keadaan golongan munafik iaitu kadang-kadang mereka kelihatan benar dan kadang-kadang mereka kelihatan ragu-ragu. Hati mereka berada dalam keadaan ragu, kufur, dan bimbang itu umpama hujan yang lebat. Hujan lebat bermaksud hujan yang turun dari langit pada waktu gelap-gulita. Maka, kegelapan itu adalah keraguan, kekufuran dan kemunafikan. Manakala, petir diumpamakan ketakutan yang mengguncangkan hati. Antara keadaan yang dialami oleh golongan munafik adalah rasa takut dan cemas yang melampau. Adapun disebut, kilat yang menyinari hati orang-orang munafik umpama keimanan. Seterusnya, dinyatakan juga ketakutan mereka itu tidak memberi kebaikan sedikit pun. Hal ini kerana, Allah SWT maha kuasa keatas golongan munafik. Selain itu, diperincikan juga suasana "kilat menyambar penglihatan mereka" kerana kekuatan serta kehebatan kilat tersebut telah mengganggu penglihatan mereka serta keteguhan dalam keimanan. Seterusnya, pada keadaan "setiap kali menyinari mereka, mereka berjalan di bawah sinar itu. Dan apabila kegelapan menimpa mereka, mereka berhenti", Ibnu Ishak berkata daripada Ibnu Abbas; jika mereka tahu tentang kebenaran dan berbicara mengenainya, mereka tetap istiqamah. Jika sebaliknya, mereka berhenti dalam kebingungan. Pendapat berikut disokong oleh al-Hasan Bashri, Qatadah, ar-Rabi' dan as-Suddi dengan sanadnya daripada beberapa sahabat.</p>
Tafsir Munir		<p>Menerangkan bahawa golongan munafik yang dalam kebingungan, cemas dan suka mengambil kesempatan. Al-Qur'an diturunkan bagi membimbing mereka tetapi mereka berpaling daripadanya. Situasi mereka sama seperti kaum yang ditimpa hujan lebat diikuti dengan perkara-perkara yang menakutkan; kegelapan hujan, awan dan malam, bunyi guruh yang memekakkan telinga serta sinar kilat yang menyambar. Keadaan tersebut menjadikan mereka meraba-raba mencari perlindungan. Mereka berharap pada cahaya dan bertekad mengikut kebenaran yang dibawa oleh ayat-ayat yang jelas itu. Kemudian, tidak lama setelah itu mereka kembali diselubungi kegelapan sehingga mereka merasa cemas dan bimbang. Namun, kekuasaan Allah meliputi sekalian makhluk. Allah boleh sahaja menulikan mereka dengan suara guruh yang keras serta membutakan mereka dengan sinar kilat menyambar. Akan tetapi, Allah SWT tidak bertindak sedemikian kerana ingin memberi kesempatan kepada mereka untuk kembali kepadaNya.</p>



Rajah 4:2: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 19-20

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak nota kaki: Al-Qur'an diturunkan sebagai panduan kepada hamba-Nya. Namun, terdapat segelintir yang berpaling daripadanya dan digolongkan dalam kalangan munafik yang sentiasa dalam kekufuran, ketakutan, kebingungan, cemas serta suka mengambil kesempatan.

4.1.3 Al-Baqarah: 171

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمٌ عُمْيٌ

فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalanya (171)

Berdasarkan ayat di atas, ia membincangkan tentang golongan kafir yang enggan menerima seruan Allah SWT. Pada bab yang lepas, pengkaji telah menemukan bahawa terjemahan pada surah al-Baqarah ayat 171 dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman menunjukkan **ketepatan** berdasarkan rujukan tafsiran al-Razi.


Rumusan pengkaji: Terjemahan Basmeh pada ayat ini dilihat **jelas** dan **mudah** untuk difahami kerana menambah perkataan dalam kurungan seperti “(orang-orang yang menyeru) dan (yang tidak mahu beriman itu)”. Keseluruhan terjemahan Basmeh memberikan penjelasan yang baik berkaitan golongan kafir yang sesat umpama penternak menyeru ternakannya, namun langsung dia tidak memahaminya melainkan mendengar suaranya. Jelaslah, pada perumpamaan ini tentang kejahilan dan kesesatan golongan kafir. Kesimpulannya, terjemahan Basmeh mencapai maksud tersirat dengan merujuk ketiga-tiga tafsiran bagi menilai kesesuaian terjemahan beliau. Berikut adalah jadual serta ringkasan peta minda sebagai maklumat sokongan terhadap kesesuaian terjemahan ayat berikut:-

Jadual 4.3: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 171

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Menurut Ibnu Abbas, Mujahid, Ikrimah, as-Suddi, az-Zujaj, al-Farra' dan Sibawih memberikan penafsiran pada ayat ini; Allah SWT menyamakan antara pendakwah dan penyeru orang-orang kafir iaitu Nabi Muhammad dengan penggembala yang memanggil biri-biri dan untanya. Haiwan tersebut hanya mendengar sahaja jeritan tersebut tetapi tidak memahami apa yang dibicarakan oleh penggembala. Namun, Sibawih menjelaskan bahawa ayat tersebut menekankan haiwan yang dipanggil bukan orang yang memanggil. Selain itu, berbeza dengan penafsiran Ibnu Zaid, Quthrub dan at-Thabari. Ibnu Zaid membandingkan golongan kafir yang menyeru Tuhan mereka yang tidak mampu bergerak itu sama seperti seseorang yang berteriak ditengah malam, yang hanya mendengar gema suara sendiri dan tiada yang mendengarnya. Manakala, Quthrub mengumpamakan keadaan golongan kafir memanggil sesuatu yang tidak memahami panggilan mereka iaitu

		berhala mereka. Sama seperti penternak yang memanggil biri-biri, namun penternak tersebut tidak mengetahui keberadaan birinya. Sementara, at-Thabari menghuraikan ayat tersebut dengan mengumpamakan golongan kafir yang memanggil Tuhan mereka seperti penggembala yang memanggil haiwannya dari tempat yang jauh dan mereka tidak pun mendengar jeritan itu. Jeritan itu hanya membuatkan mereka letih dan suaranya terdengar serak. Adapun Allah SWT juga menyebutkan bahawa tuli, bisu dan pekak adalah mereka tidak bercakap, tidak mendengar serta melihat yang haq.
Tafsir Ibn Kathīr	Ibn Kathīr	Perbandingan tentang golongan kafir yang tenggelam di dalam kesesatan dan kebodohan adalah sama seperti binatang ternakan yang tidak memahami dan mengerti apa yang dikatakan kepadanya, bahkan jika diseru oleh penggembalanya, maka sama sekali tidak memahami ucapan tersebut. Mereka hanya dapat mendengar suaranya sahaja. Adapun, dijelaskan “ <i>mereka tuli, bisu dan buta</i> ” itu diibaratkan tidak mahu mendengar, tidak berkata serta tidak dapat menuju kebenaran.
Tafsir Munir	Munir	Gambaran usaha pendakwah kepada orang kafir yang bertaklid kepada leluhur dan pemimpin serta terjerumus dalam kesesatan dan kebodohan mereka adalah seperti menyeru haiwan ternakan daripada mendekati kawasan larangan. Hal ini kerana haiwan dicipta tanpa kemampuan berfikir untuk memahami perkara yang memudaratkan dirinya. Oleh itu, orang kafir diumpamakan seperti haiwan ternakan kerana Allah SWT telah mengunci hati, telinga dan mata daripada menerima kebaikan.

boardmix



Rajah 4:3: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 171

4.1.4 Al-Baqarah: 261

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ

مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعَ عَلَيْهِمْ ۲۶۱﴾

Teks terjemahan:


Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi serratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya (261)

Berdasarkan perbincangan pada bab yang lepas berkaitan ayat di atas, menunjukkan terjemahan yang dibuat oleh Abdullah Basmeih mempunyai **ketepatan** dengan kitab *Mafātih al-Ghayb*.

Rumusan pengkaji: Pengkaji mendapati terjemahan Abdullah Basmeih membahaskan kebaikan yang dilakukan oleh mereka yang membelanjakan hartanya kerana Allah SWT seperti gandaan sebiji benih yang berkembang menjadi beratus-ratus. Manakala, dari sudut konteks terjemahan ayat tersebut **jelas** dan **mudah** difahami dalam menyampaikan maksud. Hal ini dinyatakan lagi dalam jadual perincian tafsiran mengikut kitab tafsir pilihan serta peta minda sebagai maklumat dukungan bagi mengukuhkan kefahaman pembaca:-

Jadual 4.4: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 261

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	<p>Pada ayat ini Allah SWT mengumpamakan sedekah dengan bertani kerana jika petani menggunakan benih yang baik, ditanam di atas tanah yang baik, maka hasil tuaiannya akan membuahkan kegembiraan dan berita yang baik. Sama halnya jika menggunakan harta yang halal lalu diberikan kepada orang yang tepat, maka pahala yang mereka dapati melimpah-ruah.</p>
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Berikut adalah perumpamaan yang Allah SWT nyatakan berkaitan gandaan pahala bagi golongan yang suka menafkahkan harta kekayaannya di jalan Allah SWT. Hal ini dilakukan hanya bertujuan mencari keredaanNya. Kebaikan itu digandakan daripada sepuluh sehingga tujuh ratus lipat kali ganda. Said bin Jubair mengatakan menafkahkan harta di jalan Allah umpama mentaatinya, sedangkan Makhul memberikan pandangan lain iaitu menginfakkan harta untuk jihad adalah berbentuk tali kuda, persiapan persenjataan dan lain-lain. Perumpamaan di atas menunjukkan bahawa Allah SWT menambahkan serta meningkatkan pahala amal soleh bagi pelakunya sebagaimana tumbuhan yang mekar dan subur yang hidup di tanah yang subur.</p>
Tafsir al-Munir	<p>Perbandingan oleh Allah SWT berikan kepadanya pahala yang berlipat kali ganda bagi yang menginfakkan harta ke jalanNya serta mengharapkan reda Ilahi. Disebutkan juga setiap satu kebaikan ganjarannya dilipatkan kesepuluh hingga tujuh ratus. Antara bentuk sedekah yang diinfakkan ke jalan ketaatan Allah untuk menggapai redaNya serta ganjaran yang baik adalah seperti menyebarkan ilmu, jihad, menyediakan senjata, haji, mempertahankan negara, melindungi keluarga. Keadaan berikut seperti sebiji buah ditanam di sebuah tanah yang subur, lalu setiap biji menumbuhkan tujuh bulir dan setiapnya mengandungi seratus butir. Selain itu, Allah SWT menggandakan pahala kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki. Namun, ia bergantung kepada tahap keikhlasan dalam melakukan amalan tersebut. Malahan, Allah SWT mampu memberikan lebih daripada itu kerana kurniaanNya tidak terbatas, sangat luas dan banyak, bahkan lebih daripada jumlah makhluk. Allah SWT maha mengetahui kepada siapa yang berhak atau sebaliknya.</p>



Rajah 4:4: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 261

4.1.5 Al-Baqarah: 263 – 264

Teks sumber:

﴿قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ۚ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَىٰ كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ۚ﴾ (263-264)

Teks terjemahan:

(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan mema'afkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati. Dan (ingatlah), Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyabar (263) Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria'), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan ria' itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada kaum yang kafir (264)

Merujuk kepada bab 3 pada ayat ini telah merungkai bahawa konteks terjemahan Sheikh

Abdullah Basmeih menunjukkan **ketepatan** dengan kitab *Mafātih al-Ghayb*.


Rumusan pengkaji: Pengkaji merumuskan bahawa sedekah atau infak dengan tujuan yang tidak baik (riyak) ibarat tanah yang terdapat pada batu, lalu ditimpa hujan dan menghilangkannya. Begitulah pahalanya orang bersedekah dengan rasa bangga. Selain itu, konteks terjemahan Basmeh dilihat **jelas** dan **mudah difahami** serta mencapai maksud sebenar dan bersesuaian dengan kefahaman semasa. Oleh itu, dikukuhkan lagi dengan pendapat ulama dalam kitab tafsir pilihan. Berikut adalah jadual dan ringkasan peta minda:

Jadual 4.5: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 263-264

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Allah SWT menolak sedekah dan tidak menjanjari pahala terhadap mereka kerana menyebut-nyebut sedekahnya dan menyakiti perasaan penerima setelah memberikan sedekah kepadanya. Menurut syariat, keburukan yang dilakukan sewaktu itu tidak membatalkan pahala kebaikan di waktu lain. Juhur ulama bersepakat bahawa sedekah yang diikuti dengan menyebut-nyebut dan menyakiti hati penerima menyebabkan sedekah tersebut tidak akan diterima. Adapun beberapa ulama menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan malaikat agar tidak mencatat amalan sedekah yang dilakukan oleh mereka, Allah SWT mengumpamakan orang yang menyebut dan sedekah serta mengguriskan hati penerima adalah seperti orang yang tidak ikhlas kerana Allah SWT. Mereka sedekah kerana memiliki perasaan ingin dipandang oleh manusia sama seperti sifat orang kafir yang tidak beriman kepada Allah SWT. Tujuan mereka memberi hanya ingin mengharap pujian orang lain. Diibaratkan juga seperti tanah yang terdapat di atas batu yang licin. Orang-orang yang menganggap tanah itu subur dan baik, namun setelah hilang kerana hujan yang menimpa, ia hanyalah sebuah batu yang licin dan keras.
Tafsir Ibn Kathīr	Pada ayat berikut Allah SWT menjelaskan tentang perumpamaan orang yang berinfak dengan sifat yang riyak. Adapun, adh-Dhahhak menyebut mengenai orang yang menyumbang dalam infaknya dengan perbuatan menyebut-nyebut pemberian atau menyakiti hati penerima sedekah sama seperti batu yang licin. Hal ini bererti bahawa batu yang licin disebabkan hujan yang menyimpannya, tiada sesuatu pun di atasnya kerana sudah hilang. Ekoran itu, amalan perbuatan orang yang riyak akan terhapus disisi Allah SWT, meskipun perbuatan itu dilihat mereka, sebagaimana keadaan tanah di atas batu tersebut.

Tafsir Munir	Ayat ini menjelaskan bahawa orang yang menungkit-ungkit dan menyakiti hati penerima sedekah adalah orang yang bersedekah dalam keadaan riyak dan sum'ah (sifat suka kepada amalan kebajikannya didengar orang). Mereka mengharapkan balasan daripada penerima sedekah. Gaya sedekah ini diumpamakan seperti debu yang menyinggah di atas batu. Setelah turun hujan yang lebat, batu tersebut bersih dan licin dari debu yang tadi serta tidak meninggalkan kesan apa-apa pada permukaan batu. Anggapan bahawa amal yang dilakukan kerana riyak akan hilang dan musnah tanpa sebarang jejak.
--------------	---

boardmix



Rajah 4:5: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 263-264

4.1.6 Al-Baqarah: 265

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَنْبِيئًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۝۲۶۵﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan (265)

Merujuk kepada bab yang lalu, hasil penelitian pengkaji mendapati terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan *Mafātih al-Ghayb*.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih menerangkan perumpamaan golongan yang menginfakkan harta ikhlas hanya kerana Allah SWT seperti kebun ditimpa hujan lebat dan gerimis kedua-duanya tetap menghasilkan dapatan yang baik. Disamping itu, terjemahan di dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman **jelas** dan **mudah** difahami dalam menyampaikan maksud konteks ayat tersebut. Namun, pengkaji mencadangkan menambah maklumat dalam kurungan pada terjemahan berikut. Hal ini kerana, terdapat pandangan yang ulama lain yang boleh mengukuhkan lagi kefahaman pembaca pada ayat berikut. Berikut adalah tafsiran yang diperincikan pada ayat 265 surah al-baqarah serta ringkasan peta minda :-


Jadual 4.6: Perincian Tafsiran Surah Al-Baqarah ayat 265

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perbandingan bagaimana Allah SWT menjelaskan tentang membelanjakan harta mengikut syariat dan petunjukNya. Adapun, asy-Sya'bi, as-Suddi, Ibnu Zaid, Abu Shalih, Qatadah dan lainnya mengatakan bahawa jiwa seseorang yang dibuka mata hatinya serta yakin akannya bahawa sedekah yang diberikan adalah untuk taat kepada Allah Taala. Disebutkan juga taman atau kebun yang terletak di tempat yang tinggi namun tidaklah terlalu tinggi dan kebiasaannya tanahnya subur dan menjadikan pertumbuhan pepohon sekitarnya. Ia juga disirami dengan hujan yang lebat dan deras serta menghasilkan buah dua kali lipat daripada kebun biasa. Selain itu, Allah SWT memuji kebun tersebut kerana jika dihujani dengan hujan yang sedikitpun mampu menghasilkan buah dua kali ganda daripada kebun yang lain. Hal ini kerana, kebun tersebut memiliki tanah yang subur dan bagus.
Tafsir Kathīr	Perbandingan yang mengisahkan tentang orang beriman yang menginfakkan harta mereka untuk mengecapi reda Ilahi. Mereka benar-benar yakin dan percaya bahawa Allah SWT akan menganugerahkan pahala atas amal kebaikan yang dilakukan lebih banyak daripada yang dianggap. Adapun disebutkan oleh Ibnu abbas dan adh-Dhahhak, perumpamaan infak di atas sama seperti kebun yang terletak di dataran

tinggi serta mengalir sungai-sungai. Kebun tersebut telah dihujani dengan hujan yang lebat dan menghasilkan buah yang dua kali lipat jika dibandingkan dengan kebun-kebun yang lain. Hujan lebat tersebut akan menjadikan kebun itu tidak pernah kering dan gersang, meskipun ia tidak mendapat hujan yang lebat, gerimis pun sudah memadai. Begitulah amalan orang mukmin, tidak akan sia-siakan, bahkan Allah menambahkan pahala sesuai dengan kepayahan atau usaha yang dilakukan seseorang dalam kebaikan. Oleh kerana itu, Allah maha melihat terhadap sesuatu amalan hambanya hatta tersembunyi.

Tafsir Munir Perumpamaan seseorang yang membelanjakan hartanya dalam jumlah banyak mahupun sedikit hanya kerana Allah SWT dan mengharapkan keampunan daripadaNya serta keyakinan yang kukuh terhadap Allah SWT akan menganjari mereka dengan pahala melimpah-ruah daripada perbuatannya itu. Hal ini diibaratkan seperti kebun yang memiliki tanah yang baik dan subur, pohonnya tumbuh lebat, tumbuhannya berkembang dengan baik, kebun ini terletak di kawasan yang tinggi serta akan mendapatkan pelbagai kenikmatan seperti sinar matahari, oksigen yang cukup serta disirami dengan hujan lebat yang menghasilkan buah dua kali lebih banyak berbanding yang lain. Jika disirami dengan gerimis juga pun sudah memadai. Demikianlah implikasi daripada tanah yang subur dan kawasan yang strategik. Disifatkan kebun yang tinggi kerana tumbuhan dan buah daripada kawasan tersebut akan memberikan tuaian yang lumayan. Adapun disebutkan mereka yang membelanjakan hartanya kerana Allah SWT benar-benar muncul daripada jiwa dan keyakinan mereka sendiri serta usaha melawan sifat kebakhilan.

boardmix



Rajah 4:6: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 265

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak maklumat dalam kurungan: Menambah “(banyak mahupun sikit)” selepas terjemahan “membelanjakan harta”.

4.1.7 Al-Baqarah: 275

Teks sumber:

﴿الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ
مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ
النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴾ ٢٧٥

Teks terjemahan:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli nereka, mereka kekal di dalamnya (275)

Menerusi bab yang lalu menunjukkan terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman pada ayat berikut menunjukkan **ketepatannya** dengan tafsir *Mafātih al-Gaybh*.

Rumusan pengkaji: Larangan dalam memakan riba telah dinyatakan dalam ayat berikut kerana golongan yang mengamalkan riba di dalam kehidupannya akan mengundang kemudaratkan kelak di akhirat. Mereka diumpamakan seperti berdirinya seseorang itu dirasuki syaitan. Pengkaji berpandangan bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **kompleks** dan **kurang difahami** serta memerlukan keterangan lanjut. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar meletakkan nota kaki pada ayat berikut.


Di bawah telah menghuraikan tafsiran berdasarkan ayat 275 surah al-Baqarah sebagai maklumat tambahan dalam terjemahan:

Jadual 4.7: Perincian tafsiran surah al-Baqarah ayat 275

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Ayat yang membahaskan tentang hukum riba, akad jual beli, ancaman yang menghalalkan riba serta orang yang berkeras melakukan riba. Terdapat beberapa ulama iaitu Ibnu Abbas, Mujahid, Ibnu Jubair, Qatadah, Rabi', Adh-Dhahak, As-Suddi dan Ibnu Zaid membahaskan tentang kalimah "المس" bermaksud dari kubur mereka dan sebahagiannya lagi memaknai dengan orang tersebut didampingi oleh satu syaitan yang selalu mencekik lehernya. Adapun kesepakatan ulama menerangkan bahawa pada hari kiamat nanti orang yang mengamalkan riba akan dibangkitkan umpama orang gila. Hal ini kerana, ingin membuktikan bahawa hukuman dan penghinaan untuk dirinya ke atas kelakuan tersebut. Allah SWT menerangkan pada maksud dirasuki syaitan itu adalah tanda kepada pengamal riba kerana segala kebinasaan dipenuhi ke dalam perut mereka. Lalu, menyebabkan tubuh menjadi berat serta mengakibatkan kesukaran sewaktu bangkit daripada kubur kerana mereka sering jatuh dan tidak mampu berdiri. Seterusnya, disebutkan juga golongan yang beriman juga dikenakan ancaman jika melakukan riba.
Tafsir Ibn Kathīr	Allah SWT menceritakan tentang golongan yang memakan riba daripada harta orang lain dan mempunyai pelbagai syubhat didalamnya. Mereka akan dibangkitkan dalam keadaan yang tidak sepatutnya iaitu seperti berdirinya orang gila pada saat mengamuk dan kerasukan syaitan. Ibnu Abbas menyebutkan bahawa golongan yang memakan riba akan dibangkitkan di hari akhirat kelak dalam keadaan gila yang tercekik. Seterusnya, mereka juga menghalalkan riba bagi menentang hukum dan syariat daripada Allah SWT. Hal ini kerana, mereka tidak mahu menerima bahawa hak jual beli adalah sesuatu ketetapan daripada Allah SWT. Disamping itu, Allah SWT juga menyatakan bahawa jual beli adalah halal. Manakala, riba adalah haram. Hal berikut merupakan hujah dalam penolakan apa yang mereka fikirkan, namun mereka mengetahui perbezaan hukum terhadap keduanya. Allah maha mengetahui akan manfaat dan binasanya amalan riba tersebut terhadap hambanya. Dalam pada itu, Allah SWT juga menerangkan bahawa jika telah sampai kepada mereka tentang larangan memakan riba, lalu mereka mentaatinya, maka hasil baginya jual beli terdahulu.
Tafsir Munir	Orang yang menghalalkan riba disebabkan kecintaan harta-benda yang melampau, mengikuti hawa nafsunya dan memakan harta orang lain dengan cara yang batil serta mereka juga memiliki perasaan yang tidak tenang, gelisah, hati tersiksa dan terlalu

tenggelam dalam masalah keduniaan umpama orang yang dirasuki syaitan atau jin. Keadaan mereka dibangkitkan daripada kubur sangat parah, berjalan sempoyongan dan terlihat sangat berat kerana memikul harta yang haram daripada riba. Situasi mereka dibangunkan daripada kubur berbeza sangat berbanding yang umat manusia lain. Golongan yang mengambil riba berjalan terhuyung-hayang dan bertatih-tatih. Bila mana mereka hendak berdiri betul, mereka jatuh kembali. Keadaan yang buruk dan menakutkan ini telah Allah SWT paparkan bagi mereka yang suka mengamalkan riba. Majoriti ulama berpandangan bahawa bukti orang memakan riba akan dibangkitkan daripada kubur seperti kerasukan jin dan jiwanya dipengaruhi oleh syaitan. Berkata Ibnu Abbas, di akhirat kelak digambarkan keadaan orang yang mengambil riba dibangkitkan dalam keadaan gila dan tercekik. Golongan ini juga menyamakan riba dengan jual beli. Namun, Allah SWT menyangkal pemahaman mereka dengan jual beli hanya dilakukan ketika perlu iaitu menukarkan barang dengan barang lain tanpa mewujudkan unsur penipuan. Sedangkan riba pula sebuah bentuk eksploitasi terhadap manusia. Sementara itu, jika telah sampai kepada mereka amaran tentang pengharaman riba dan ingin meninggalkannya. Lalu, perkara yang pernah dilakukan semasa zaman jahiliah diserahkan segalanya kepada Allah SWT akan keampunannya. Akan tetapi, barangsiapa yang kembali dan kekal mengamalkan riba setelah perintah diturunkan maka layak untuknya mendapat hukuman neraka jahannam.

boardmix



Rajah 4:7: Perumpamaan Surah Al-Baqarah ayat 275

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak nota kaki: Hati bagi golongan yang mengamalkan riba di dunia sentiasa tidak tenang, gelisah dan tenggelam dengan masalah keduniaan. Manakala, di akhirat mereka dibangkitkan dalam keadaan terhuyung-hayang seperti kerasukan jin dan jiwanya dipengaruhi syaitan.

4.1.8 Āli‘-Imrān: 59

Teks sumber:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُن فَيَكُونُ ٥٩

Teks Terjemahan:

Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi ‘Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” maka jadilah ia.

Menerusi bab yang lalu, pengkaji mendapati bahawa konteks terjemahan ayat 59 pada surah Āli‘-Imrān yang dibuat oleh Sheikh Abdullah Basmeih **tidak sama** dengan tafsiran Mafātiḥ al-Ghayb.


Rumusan pengkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih menerangkan tentang penciptaan daripada tanah. Hal ini, menimbulkan impresi yang berbeza kepada pembaca tentang maksud ayat tersebut. Oleh itu, pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **kompleks** dan **kurang jelas** terhadap makna sebenar. Seterusnya, pengkaji meneliti terjemahan ayat tersebut melalui ketiga-tiga tafsir pilihan kajian bagi melihat pandangan ulama berdasarkan kesesuaian terjemahan ayat di atas:

Jadual 4.8: Perincian Tafsiran Surah Āli‘-Imrān ayat 59

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Membahaskan tentang penciptaan Nabi Isa yang mempunyai persamaan dari aspek diciptakan tanpa seorang ayah begitu juga Nabi Adam. Namun, tidak sama penciptaannya dari awal kerana Nabi Isa tidak diciptakan terus daripada tanah.

Tafsir Kathīr	Ibn	Berkisahkan tentang kekuasaan Allah SWT iaitu ketika Dia menciptakan ‘Isa tanpa adanya seorang ayah begitu jugalah Adam dijadikan dengan tiadanya ayah mahupun ibu. Maka, Allah SWT selayaknya mencipta kedua-duanya mengikut kehendaknya.
Tafsir Munir		Penciptaan Nabi Isa menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang dijadikan tanpa ayah disisinya seperti kejadian Nabi Adam tanpa ayah dan ibu. Namun, ia diciptakan daripada tanah lalu menjadi manusia atas izinNya.

boardmix



Rajah 4:8: Perumpamaan Surah Āli‘-Imrān ayat 59

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak maklumat dalam kurungan: Meletakkan perkataan “(Tanpa bapa)” selepas terjemahan “Nabi Isa”.

4.1.9 Āli‘-Imrān: 117

Teks sumber:

﴿مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرَثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَنَّهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنَّ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ﴾ ١١٧ ﴿

Teks terjemahan:

Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri (*)

Nota kaki:

(*)- Ya'ni tidak ada sesuatu kebaikan atau faedah yang akan didapati oleh orang-orang yang kafir itu dari amal-amalnya yang baik; kerana kekufuran mereka merosakkan dan membinasakannya. Sebenarnya merekalah yang menganiaya diri sendiri.

Dalam tafsiran *Mafātih al-Ghayb* menunjukkan **ketepatannya** terhadap terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman pada ayat 117 dalam surah Āli^c-Imrān.


Rumusan pengkaji: Amalan golongan kafir dalam menginfakkan harta mereka umpama angin dingin yang memusnahkan segala tanaman mereka. Mereka langsung tidak berkesempatan dalam menikmati hasil dan faedahnya. Begitulah keadaan golongan kafir kelak. Terjemahan Abdullah Basmeih dilihat **mudah** dan **jelas** difahami kerana terdapat nota kaki yang menerangkan secara terperinci tentang perumpamaan infak golongan kafir. Berikut diberikan penjelasan secara teliti menerusi kitab tafsir muktabar pilihan sebagai maklumat sokongan:

Jadual 4.9: Perincian Tafsiran Surah Āli^c-Imrān ayat 117

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perumpamaan tentang golongan kafir yang membelanjakan hartanya untuk kehidupan dunia samalah seperti hembusan angin. Ibnu Abbas menyebut hembusan angin seperti hawa dingin yang menyengat. Adapun sebahagian ulama menyatakan hembusan angin yang sangat kencang hingga menimbulkan suara. Manakala, az-Zujaj memperincikan suara jilatan api yang terdapat pada angin tersebut. Pada ayat ini dijelaskan juga bahawa perbandingan orang kafir yang bersedekah adalah ibarat tanaman yang dimusnahkan oleh angin yang sangat dingin dan api yang menyala-nyala. Lalu, menyebabkan tanaman tersebut terbakar dan rosak. Ia sama sekali tidak dapat memberikan faedah kepada pemiliknya. Padahal, mereka sangat berharap tanaman tersebut memberikan manfaat kepadanya. Allah SWT sama sekali tidak menzalimi mereka. Namun mereka sendiri yang menzalimi diri mereka disebabkan kekufuran, kemaksiatan dan tidak memberikan hak Allah SWT.

Tafsir Kathīr	Ibn Allāh SWT memberikan perumpamaan bagi golongan kafir yang membelanjakan hartanya di dunia. Mujahid, al-Hasan al-Bashri, as-Suddi, Ibnu Abbas, Ikrimah, Sa'īd bin Jubair, Qatadah, adh-Dhahhak, ar-Rabi' bin Anas dan lain-lain menerangkan bahawa angin yang disertai hawa yang dingin sekali. Namun, 'Atha' memberikan pandangan bahawa sangat dingin dan membeku. Adapun berkata Ibnu 'Abbas dan Mujahid "فِيهَا صر" iaitu api. Maksud ini adalah merujuk kepada maksud yang pertama kerana dingin yang luar biasa apalagi membeku serta dapat menghancurkan tanaman dan buah-buahan, sebagaimana api dapat membakar sesuatu. Seterusnya, angin tersebut dapat menghancurkan jika tanaman yang sudah tiba waktu memetikanya, sedangkan pemiliknya sangat memerlukan hasil tanamannya itu.
Tafsir Munir	Bandingan golongan kafir menginfakkan hartanya selain mendapatkan reda Allah SWT umpama angin kencang yang mengandungi udara yang sangat dingin datang menimpa tanaman mereka sehingga mengakibatkan kebinasaan dan kacau-bilau. Tidak ada sedikitpun tanaman yang tersisa serta menyebabkan pemiliknya sedih dan menyesal. Dinyatakan juga bahawa Allah SWT tidak menerima sedekah bukan sebab Allah zalim. Akan tetapi, disebabkan perilaku mereka yang tidak baik yang mengakibatkan keadaan tersebut berlaku. Justeru, jelaslah bahawa mereka yang menzalimi diri mereka sendiri.

boardmix



boardmix

Rajah 4:9: Perumpamaan Surah Āli-Imrān ayat 117

4.1.10 Al-An'am: 71 – 72

Teks sumber:

﴿قُلْ أَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا اللَّهُ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَىٰ﴾

أَتَيْنَا قُلَّ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَأَمْرًا لِنُسَلِّمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ٧١ وَأَنْ أَقِيمُوا

الصَّلَاةَ وَاتَّقُوا وَهُوَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ٧٢

Teks terjemahan:

Katakanlah: “Patutkah kita menyeru serta menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfa’at kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita; dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah (dengan ugama Islam), seperti orang yang telah disesatkan oleh Syaitan-syaitan di bumi (di tempat yang lengang) dalam keadaan bingung, sedang ia pula mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan berkata kepadanya): “Marilah bersama-sama kami.” Katakanlah:”Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah sebenar-benar pertunjuk, dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan metadbirkan sekalian alam. (71) Dan (diperintahkan): Hendaklah kamu mengerjakan sembahyang dan bertaqwa kepadaNya, dan Dialah Tuhan yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan (pada hari akhirat kelak) (72)

Berdasarkan ayat berikut, pengkaji mendapati terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi.

Rumusan pengkaji: Ibn Kathir dan al-Qurtūbī menyimpulkan bahawa golongan yang menyembah selain Allah SWT ibarat ajakan daripada Syaitan kepada kesesatan. Jika terdapat sahabat yang mengajaknya ke arah kebenaran, mereka masih meneruskan kesesatan. Manakala, Wahbah Zuhaylī memberikan pandangan orang musyrik umpama orang yang sesat dan gila. Walaupun begitu, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **mudah** dan **jelas** difahami. Berikut adalah maklumat dukungan bagi kesesuaian terjemahan diatas:

Jadual 4.10: Perincian Tafsiran Surah Al-An‘ām ayat 71-72

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perumpamaan tentang orang yang menyembah berhala adalah seperti orang yang diajak oleh syaitan, lalu dia mengikutnya. Setelah itu, mereka tertarik dengan syaitan itu serta berada dalam kesesatan dan kebinasaan. Mereka kebingungan di padang tandus tersebut.

Tafsir Ibn Kathīr As-Suddi menyebutkan tentang golongan yang musyrik yang mengajak orang beriman untuk meninggalkan ajaran Nabi Muhammad dengan kembali kepada kekafiran umpama orang yang disesatkan oleh syaitan di muka bumi. Disamping itu, dinyatakan juga bahawasanya jika kalian kafir kemudian beriman, maka kalian seperti seseorang yang pergi bersama ke suatu kaum di suatu jalan, lalu tersesat. Mereka merasa kehairanan dan disesatkan di muka bumi. Adapun sahabat yang berada di jalan yang lain, mereka menyeru supaya datang kepada mereka. Namun, ia menolak seruan tersebut. Disamping itu, ayat ini juga memerintahkan agar mengikhhlaskan ibadah hanya untuk Allah Taala.

Tafsir Munir Perbandingan orang yang menyembah selain Allah SWT diibaratkan orang yang sesat dan dihilangkan akal olehnya sehingga menjadi orang yang bingung tersesat tidak tahu bagaimana harus melangkah. Sedangkan, ia memiliki sahabat-sahabat yang istiqamah serta berada di jalan yang lurus dan mengajak kepada kebenaran. Golongan yang berpaling dan menyeru kepada kebatilan dikatakan kembali kepada kejahilan. Hal ini adalah disebabkan, hakikat bagi seorang manusia adalah ia tidak mengetahui apa-apa, kemudian saat ia kembang dan tumbuh ia mulai mencari ilmu.

boardmix



Rajah 4:10: Perumpamaan Surah Al-An'ām ayat 71-72

4.1.11 Al-An'ām: 125

Teks sumber:

﴿فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأْتَمَّا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ﴾ (١٢٥)

Teks terjemahan:

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah pertunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.


Berdasarkan bab yang lepas, pengkaji mendapati terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih dan ketiga-tiga kitab tafsir muktabar tersebut menerangkan tentang perumpamaan bagi golongan kafir adalah seperti dada yang sempit saat naik ke langit. Mereka tidak mahu menerima Islam bahkan menganggap ianya adalah beban dalam mengimaninya. Namun, pengkaji berpandangan terjemahan Abdullah Basmeih **kompleks** dan **kurang jelas** dalam menyampaikan maksud sebenar. Seterusnya, pengkaji akan melihat pandangan al-Qurtūbī, Ibn Kathīr dan Wahbah Zuhaylī bagi mencadangkan konteks terjemahan yang sesuai. Berikut adalah penghuraian bagi setiap tafsir:-

Jadual 4.11: Perincian tafsiran Surah Al-An‘ām ayat 125

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Allah SWT melapangkan dada seseorang untuk memeluk Islam, memberikan hidayah serta menjadi Islam indah disisinya dengan ganjaran pahala dariNya. Adapun, disebutkan juga bahawa Allah SWT akan menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki. Selain itu, dibahaskan juga barangsiapa yang tidak dikehendaki kebaikan oleh Allah SWT, maka dadanya akan sesak dan dijauhkan daripada pemahaman agama serta tidak akan difahamkan oleh Allah Taala. Justeru, Allah SWT menyimpulkan perumpamaan golongan kafir yang menjauhi keimanan dan bebanan dalam beriman kepadaNya seperti hal seseorang yang diuji dengan sesuatu diluar kesanggupannya seperti mana keadaan menaiki kelangit yang tidak mungkin dapat dilakukan. Ibnu Abbas berkata kalimah “ar-rijs” adalah syaitan. Hal ini dimaksudkan dengan Allah SWT menjadikan syaitan bagi menguasai diri mereka. Manakala,

		Mujahid memberikan pandangan dengan maksud sesuatu yang tidak ada kebaikan sedikit pun padanya.
Tafsir Kathīr	Ibn	Pada ayat ini Allah SWT memberi penjelasan bahawa Dia akan memudahkan, menguatkan dan meringan diri seseorang dalam memeluk agama Islam. Adapun dinyatakan oleh Abu Malik dan lain-lain menyebut Allah SWT melapangkan hati sesiapa sahaja untuk mentauhidkan dan beriman kepadaNya. Seterusnya, as-Suddi berkata “ <i>seolah-olah dia sedang mendaki ke langit</i> ” dimaksudkan dengan kerana kesempitan pada dadanya. Imam Abu Ja’afar menyatakan bahawa ini adalah perumpamaan yang diberikan oleh Allah Taala kepada hati golongan kafir yang benar-benar amat sempit untuk sampai keimanan terhadapnya. Hal ini, disamakan dengan penolakkan diri dan ketidakupayaan untuk menaiki langit kerana diluar kemampuannya. Disamping itu, Abu Ja’far bin Jarir memperincikan lagi sebagaimana Allah SWT telah menjadikan hati seseorang yang dikehendakiNya tersesat. Lalu menjadikan ia sesak bahkan sempit lagi. Maka, demikian juga Allah menjadikan syaitan berkuasa terhadapnya dan orang yang tidak beriman kepada Allah SWT serta RasulNya sehingga syaitn itu menyesatkan dan menghalanginya dari jalan Allah SWT.
Tafsir Munir	al-	Ibnu Abbas berkata, Allah Taala akan melapangkan hati orang Mukmin untuk mentauhidkanNya serta beriman kepadaNya. Selain itu, disebutkan juga bahawa cahaya diletakkan pada fitrah yang bagus dan suci. Lalu, ia akan memupuk diri menerima kebaikan dan mengikuti kebenaran. Namun, barangsiapa yang fitrahnya rosak dengan kesyirikan serta dosa, akan menemui kesempitan dalam dirinya, jauh daripada keimanan dan keterbatasan diri dalam menerima kebaikan. Keadaan ini disamakan seperti orang yang menaiki langit dan memasuki lapisan udara yang tinggi. Kemudian, dia merasakan kesempitan yang teramat sangat ketika bernafas. Hal ini menunjukkan seolah-olah dia melakukan sesuatu hal yang tidak mungkin mampu kerana untuk naik ke langit bukanlah hal yang mudah dan diluar kemampuan manusia. Oleh demikian, Allah SWT menjadikan sempit dan sulitnya dada orang yang Dia kehendaki kesesatannya disebabkan penolakkan iman. Selain itu, Allah Taala juga membiarkan syaitan menguasai dirinya dan golongang seperti mereka yang enggan beriman kepada Allah dan rasulNya, lalu syaitan menyesatkannya dan menghalanginya dari jalan Allah SWT.



Rajah 4:11: Perumpamaan Surah Al-An'ām ayat 125

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak nota kaki: Situasi tersebut menunjukkan seolah-olah mereka tidak mampu untuk naik ke langit kerana keterbatasan dan diluar kemampuan manusia. Begitulah keimanan yang menjadi beban kepada golongan kafir.

4.1.12 Al-A'raf: 175-176

Teks sumber:

﴿وَأْتَلَّ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي ءَاتَيْنَاهُ ءَايَاتِنَا فَانْسَلَخَ مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْعَاوِينَ ۗ ۱۷۵ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحَمَلَ عَلَيْهِ يَلْهَثَ أَوْ تَتَرَكَّهُ يَلْهَثَ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ۗ ۱۷۶﴾

Teks terjemahan:

Dan bacakanlah kepada mereka (wahai Muhammad), khabar berita seorang yang Kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) Kami. Kemudian ia menjadi dirinya terkeluar dari mematuminya, lalu ia diikuti oleh Syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah ia dari orang-orang yang sesat. (175) Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi

ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan (176)

Bab yang lepas mendapati konteks terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi.


Rumusan pengkaji: Pengkaji berpendapat bahawa konteks terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** dalam menerangkan golongan yang cenderung memperolok-olok ayat al-Qur’ān sama seperti anjing yang menjelirkan lidahnya dalam apa juga keadaan. Hal ini disokong dengan kitab tafsir muktabar yang menggambarkan golongan yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT sebagai mereka yang kekal dalam kesesatan dan kekufuran, walaupun diberi peringatan. Perumpamaan dengan anjing yang menjulurkan lidah menunjukkan sifat mereka yang tidak berubah, terikat kepada dunia dan hawa nafsu, sama seperti anjing yang menjulurkan lidahnya tidak kira dalam apa keadaan sekalipun. Berikut adalah jadual dan peta minda sebagai ringkasan:-

Jadual 4.12: Perincian tafsiran Surah Al-Aʿrāf ayat 175-176

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Ayat ini membincangkan tentang bagaimana Allah SWT mengkehendaki bagi mematikan sesiapa pun sebelum melakukan maksiat atau berubah keyakinan hingga ditempatkan di syurga. Namun, jika mereka cenderung untuk mengakhiri kehidupannya dengan keduniaan, kelazatan dunia ia hanya mengikuti bisikan syaitan kepadanya. Adapun ulama berbeza pendapat iaitu dengan menyatakan mereka mengikut hawa nafsu. Hawa nafsu yang dimaksudkan adalah keinginan kepada kekufuran. Golongan ini diibaratkan seperti kebiasaan seekor anjing menjulurkan lidahnya, diganggu ataupun tidak diganggu tetap akan menjulurkan lidahnya. Hal ini disebabkan, ia merupakan sifat semula atau naluri bagi seekor

	anjing. Allah SWT juga mengumpamakan sifat ini bagi golongan yang mendustakan ayat-ayatNya kerana jika kita membiarkan mereka, lalu mereka tersesat, namun apabila dinasihati dan mengajak kepada kebenaran, malah mereka tetap dengan pendirian mereka. Oleh itu, golongan tersebut disamakan seperti anjing yang terbiasa mengeluarkan lidahnya dan apabila ditinggalkan ia tetap mengeluarkan lidahnya, namun jika dibawa juga ia masih mengeluarkan lidahnya.
Tafsir Ibn Kathir	Allah SWT menyucikan mereka daripada pelbagai kotoran dunia dengan ayat-ayatNya. Lalu, mereka lebih menyukai perhiasan dunia dan memilih untuk menikmati kelazatan dunia serta diperdaya olehnya. Mereka diibaratkan seperti anjing yang menjelirkan lidah. Adapun dijelaskan bahawa keadaan seseorang yang berada di dalam kesesatan yang terus-menerus serta tidak mengambil manfaat, sama ada diseru kepada keimanan ataupun tidak adalah seperti anjing yang menjulurkan lidahnya, baik ketika dihalau atau dibiarkan.
Tafsir al-Munir	Golongan yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT, sombong, menyukai dunia dan mengikut hawa nafsunya diumpamakan seperti anjing yang hina iaitu menjulurkan lidahnya, ketika diusir mahupun dibiarkan. Begitulah sehina-hina anjing.

boardmix



boardmix

Rajah 4:12: Perumpamaan Surah Al-A'raf ayat 175-176

4.1.13 Al-Tawbah: 68-69

Teks sumber:

﴿وَعَدَ اللَّهُ الْمُنْفِقِينَ وَالْمُنْفِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا هِيَ حَسْبُهُمْ وَلَعْنَةُ اللَّهِ
 ٦٨ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ٦٨ كَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْكُمْ قُوَّةً وَأَكْثَرَ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا

فَأَسْتَمْتَعُوا بِخَلْقِهِمْ فَأَسْتَمْتَعْتُمْ بِخَلْقِكُمْ كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ بِخَلْقِهِمْ وَخُضْتُمْ
 كَالَّذِي خَاضُوا أَوْلَانِكَ حَبِطَتْ أَعْمَلُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَوْلَانِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿٦٩﴾

Teks terjemahan:

Allah menjanjikan orang-orang munafik lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan neraka Jahannam, mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu menjadi balasan mereka; dan Allah mela'natkan mereka, dan bagi mereka azab seksa yang kekal (68) (Nasib kamu hai orang-orang munafik) adalah sama dengan nasib orang-orang sebelum kamu (yang telah dibinasakan), mereka lebih kuat serta lebih banyak harta benda dan anak pinak daripada kamu; seterusnya mereka telah bersenang-senang dengan bahagian kamu, sebagaimana orang-orang yang sebelum kamu itu bersenang-senang dengan bahagiannya; dan kamu pula telah memperkatakan (perkara yang salah dan dusta) sebagaimana mereka memperkatakannya. Mereka yang demikian, rosak binasalah amal-amalnya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan merekalah orang-orang yang rugi (69)

Menerusi bab yang lalu, terjemahan di atas menunjukkan **ketepatannya** dengan Mafātih al-ghayb.


Rumusan pengkaji: Dari sudut kesesuaian konteks terjemahan ayat di atas, dilihat Wahbah Zuhaylī dan al-Qurtūbī menjelaskan dengan baik tentang perbuatan golongan munafik seperti golongan kafir terdahulu. Pengkaji juga berpendapat Tafsir Pimpinan ar-Rahman memberikan kefahaman yang **jelas** dan **mudah** difahami terhadap terjemahan yang dibuat bagi konteks ayat di atas. Disamping itu, pengkaji mengukuhkan lagi terjemahan tersebut dengan merujuk tiga kitab tafsir muktabar pilihan. Berikut adalah perincian tafsir:-

Jadual 4.13: Perincian Tafsiran Surah Al-Tawbah ayat 68-69

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Al-Qurtūbī	Pada ayat ini menerangkan tentang Allah SWT mengancam golongan kafir dengan Neraka sepertimana ancaman-Nya terhadap golongan sebelum ini. Golongan kafir melakukan perkara yang sama seperti perbuatan orang sebelum

	<p>mereka dalam mengajak kepada kemungkaran dan mencegah perbuatan kebaikan. Disebutkan juga orang sebelum kamu lebih kuat daripada dirimu, namun mereka tidak mampu dan tidak sanggup menahan azab Allah SWT kepada mereka. Selain itu, golongan kafir ini mengambil keuntungan daripada agama, mencampur agama yang sedia ada dengan agama mereka seperti dilakukan oleh orang terdahulu. Dalam pada itu, pendapat lain menyatakan bahawa bicara Nabi Muhammad SAW adalah dusta.</p>
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Golongan munafik adalah sama seperti Bani Israil. Mereka tidak tahu kenapa mereka diserupakan dengan Bani Israil. Nabi bersabda, demi jiwaku di tangan-Nya, kamu benar-benar mengikuti mereka. Jika salah seorang daripada mereka masuk ke liang biawak, nescaya kamu juga mengikutinya.</p>
Tafsir al-Munir	<p>Golongan munafik seperti golongan kafir sebelum kalian iaitu menikmati dan berkata-kata hal yang batil. Hal ini, sama dengan golongan kafir tersebut. Mereka menikmati kenikmatan dunia, lalu golongan munafik merasainya juga. Orang munafik bercakap tentang kebatilan dan melecehkan Nabi SAW sebagaimana hal orang kafir. Pada ayat ini bertujuan “فَأَسْتَمْتَعْتُمْ بِخُلُوفِكُمْ كَمَا أَكْتَمْتَعْتُمْ” “الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ بِخُلُوفِهِمْ” untuk mencela umat terdahulu kerana telah bersenang-senang dengan nikmat dunia dan terlena dengan hawa nafsu serta melalaikan tanpa bersungguh dalam mendapatkan keuntungan akhirat. Segala amal kebaikan mereka sia-sia serta rugi di dunia dan akhirat.</p>

boardmix



boardmix

Rajah 4:13: Perumpamaan Surah Al-Tawbah ayat 68-69

4.1.14 Yūnus: 24

Teks sumber:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا
يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ
قَدِرُونَ عَلَيْهَا أَتْنَاهَا أَمْرًا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ
كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

Teks terjemahan:

Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang – bercampur-baur dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu, hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya), datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau siang hari, lalu Kami jadikan dia hancur lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil i'tibar daripadanya). (*) (24)

Nota kaki :

(*) Oleh kerana biasanya manusia lebih mementingkan kehidupan dunia dan kesenangannya walaupun secara berlaku zalim atau melampaui batas dan melupakan hari akhirat, maka dalam ayat suci ini diingatkan bahawa kesenangan dunia yang mereka puja-puja itu tidak akan kekal dan akan lenyap akhirnya.

Berdasarkan bab yang lepas, pengkaji mendapati kitab Tafsir Pimpinan ar-Rahman bertepatan dengan Tafsir al-Razi.

Rumusan pengkaji: Pengkaji menyimpulkan kesenangan dunia adalah sementara dan ibarat air hujan yang turun ke bumi dan hasilnya tidak dapat diambil oleh penduduk kerana malangnya telah dibinasakan oleh Allah SWT. Begitulah kehidupan dunia yang ditafsirkan oleh kesemua tokoh tersebut. Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih dilihat jelas dan mudah difahami, malah ditambahkan lagi nota kaki bagi meningkatkan kefahaman. Dalam pada itu, pengkaji akan mengukuhkan konteks kesesuaian

terjemahan Basmeih dengan penghuraian yang diberikan oleh ketiga-tiga tafsir pilihan.


Berikut adalah perincian bagi setiap tafsir:-

Jadual 4.14: Perincian Tafsiran Surah Yūnus ayat 24

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Allah SWT memberikan perumpamaan tentang kehidupan dunia dan perhiasannya akan lenyap serta tidak kekal diibaratkan dengan tumbuhan-tumbuhan yang Allah keluarkan dari bumi dengan adanya hujan yang diturunkan daripada langit berbentuk tanaman, buah-buahan yang pelbagai jenis dan tumbuhan yang dimakan haiwan ternakan seperti rumput dan sebagainya. Disebutkan juga bahawa perhiasan dunia bakal hilang dan indah dengan busut tanah yang penuh dengan bunga yang baik dalam pelbagai jenis juga warnanya. Mereka yang menanam dan menuainya untuk memetik hasilnya. Tiba-tiba petir atau angin kencang yang dingin membasahi daun-daunnya dan merosakkan buah-buahannya. Setelah itu, kering setelah hijau dan subur. Ia seakan-akan belum pernah tumbuh dari waktu ke waktu. Dikatakan oleh Qatadah bahawa “seakan-akan belum pernah tumbuh” iaitu belum pernah dinikmati. Demikianlah sesuatu setelah hilangnya, seolah-olah tidak ada. Justeru, Allah SWT menerangkan bukti dan dalil sehingga mereka dapat mengambil manfaat daripada perumpamaan ini.</p>
Tafsir Munir	<p>Perumpamaan daripada Allah Taala berkaitan kehidupan dunia yang binasa dan kehilangan kenikmatannya. Sesungguhnya ciri-ciri kehidupan dunia yang menakjubkan ini bagaikan tumbuh-tumbuhan yang Allah SWT keluarkan daripada bumi dengan air hujan dari langit, ketika hujan turun ke bumi maka tumbuhlah tumbuhan yang berbagai bentuk dan rupanya serta saling bercampur antara satu dengan yang lain. Adapun diantaranya dimakan oleh manusia berbentuk tumbuhan, bijian, dan buah-buahan yang pelbagai. Namun, terdapat juga dimakan oleh haiwan ternakan seperti rumput-rumput dan sebagainya. Disebutkan juga, tumbuhan yang subur disebabkan hujan, serta menumbuh dengan sempurna dan semakin besar. Dihiasi dengan keindahan yang fana seperti bunga yang mekar, bentuk, rupa dan warna yang pelbagai serta biji-bijian dan buah-buahan. Pemiliknya yang menanam tumbuh-tumbuhan tersebut yakin bahawa akan mendapatkan hasilnya dan mengambil manfaat daripadanya. Semasa mereka berada dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba taufan atau dingin yang teramat dahsyat sehingga membuatkan daun-daunnya kering dan meluruhkan buah-buahannya. Kemudian, datanglah kepada mereka ketentuan daripada Allah SWT yang ditentukan untuk menghancurkan di waktu malam atau siang. Namun, Allah SWT menjadikan bumi yang tanamannya sudah disabit, kering setelah sebelum hijau dan subur, seolah-olah tidak pernah tumbuh sebelumnya dan belum pernah terjadi sebelum itu. Keadaan inilah digambarkan setelah dimusnahkan seakan tidak pernah ada. Justeru, Allah SWT telah</p>

menerangkan perumpamaan yang nyata tentang situasi dunia dan kecepatan dalam kehancurannya.

Tafsir al-Qurtūbī - Perumpamaan berkaitan sifat fana dan tidak abadi tentang kehidupan dunia yang diibaratkan seperti air. Kehidupan dunia datang membawa perhiasan dengan tanaman, malah penduduk bumi yakin bahawa mereka mampu menguasainya dan mengambil kebaikan daripadanya. Namun, Allah SWT berkehendak lain, maka Allah SWT mendatangkan azab atau menghancurkan tanaman itu pada waktu malam dan siang. Ianya seolah-olah telah dipotong dan tiada ada sisa yang tinggal, kelihatan seperti belum tumbuh. Ia juga seperti seolah-olah belum dinikmati. Demikianlah, Allah SWT menjelaskan bukti-bukti kekuasaan-Nya kepada orang-orang berfikir tentang ayat-ayat Allah SWT.



Rajah 4:14: Perumpamaan Surah Yūnus ayat 24

4.1.15 Hūd: 24

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَى وَالْأَصْمِ وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا أَفَلَا

تَنْذَرُونَ ﴿٢٤﴾

Teks terjemahan:

Bandingan dua golongan (yang kafir dan yang beriman) itu samalah seperti orang yang buta serta pekak, dengan orang yang celik serta mendengar; kedua-dua golongan itu tidaklah sama keadaannya. (Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka tidakkah kamu mahu mengambil peringatan dan insaf? (24)

Merujuk kepada bab yang lalu, pengkaji menemukan terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **hampir bertepatan** dengan tafsir *Mafātih al-Ghayb*.


Rumusan pengkaji: Konteks terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih menunjukkan **kompleks** serta **kurang difahami**. Hal ini kerana, tiada keterangan lanjut yang diberikan terhadap sifat yang disandarkan kepada situasi golongan kafir mahupun beriman. Selanjutnya, pengkaji menyatakan perincian tafsiran berdasarkan ketiga-tiga kitab tafsir muktabar bagi membentuk terjemahan yang bersesuaian dalam memberikan kefahaman yang jelas. Berikut adalah:-

Jadual 4.15: Perincian Tafsiran Surah Hūd ayat 24

Tafsir		Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	Ibn	Allah SWT memberikan perumpamaan tentang golongan kafir dengan golongan beriman. Golongan kafir yang disifati dengan kesengsaraan iaitu seperti orang buta dan tuli. Manakala, golongan mukmin memperoleh kebahagiaan seperti golongan yang boleh melihat dan mendengar. Oleh itu, orang kafir buta daripada kebenaran selama hidupnya di dunia dan akhirat. Mereka tidak akan pernah mendapat petunjuk kepada kebaikan dan tidak pula mengetahuinya. Bahkan mereka tuli daripada berbagai hujah serta tidak dapat mendengar manfaat daripadanya. Walhal, orang mukmin mempunyai kebijaksanaan dan akal fikiran yang cemerlang. Mereka mampu melihat kebenaran serta dapat membezakan antara yang hak dan batil sehingga mengikuti segala kebaikan dan meninggalkan keburukan. Mereka dapat mendengar hujah dan mampu menghindari hal yang samar-samar sehingga tidak terjebak dalam kebatilan. Maka, apakah sama kelompok golongan kafir dan golongan mukmin? Tidakkah kalian memerhatikan dan membezakan antara kelompok berikut ?
Tafsir Munir		Perumpamaan golongan kafir dan golongan Mukmin iaitu orang kafir dengan kesengsaraan, manakalan orang Mukmin dengan kebahagiaan, diumpamakan seperti orang yang buta dan tuli dengan orang yang mendengar dan melihat. Disebutkan orang kafir seperti orang buta kerana tidak melihat sudut kebenaran di dunia mahupun akhirat, tidak dapat melihat petunjuk kepada kebaikan serta tidak mengenalnya. Selain itu, golongan kafir diibaratkan tuli kerana tidak mahu mendengar hujah yang ada dan tidak mahu mengambil manfaat daripadanya. Namun demikian, bagi golongan yang

beriman sebaliknya iaitu berlapang dada untuk mendengar dan melihat untuk mengambil faedah daripada apa yang dia dengar iaitu al-Qur'an serta melihat untuk mengamati alam ini. Pendengaran dan penglihatan merupakan jalan untuk mencapai kepada ilmu, pertunjuk dan membentuk akal fikiran. Kedua-dua keadaan bagi golongan tersebut sama sekali berbeza daripada sudut sifat mahupun hasil. Apakah kamu tidak mengambilnya sebagai peringatan sehingga kamu boleh membezakan antara yang kafir dan Mukmin dan bagaimana kalian tidak mampu membezakan sifat yang nyata dan jelas seperti ini ?

Tafsir al-Qurtūbī	Perbandingan dua golongan iaitu orang kafir dan orang Mukmin. An-Nuhas dan adh-Dhahhak berkata golongan kafir diumpamakan seperti orang yang tidak mendengar dan tidak melihat. Manakala, golongan mukmin diibaratkan seperti orang yang mendengar dan melihat. Adapun yang lain mengatakan, adakah sama orang buta dan melihat dan adakah sama orang bisu dan mendengar?
-------------------	---



Rajah 4:15: Perumpamaan Surah Hūd ayat 24

Cadangan penambahbaikan terjemahan:

1. Letak nota kaki: Golongan kafir disifatkan buta daripada kebenaran dan tidak mahu mendengar hujah serta tidak mengambil manfaat daripadanya. Manakala, golongan beriman disifatkan dapat melihat kebenaran dan mendengar hujah serta mampu menghindari perkara yang samar-samar (kebatilan).

4.1.16 Al-Ra'd: 14

Teks sumber:

إِلَهُ دَعْوَةَ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبْسِطٍ كَفَّيْهِ
إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبُلِغَةٍ وَمَا دُعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ؕ ﴿١٤﴾

Teks terjemahan:

Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan do'a permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.

Menerusi terjemahan di atas, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman bertepatan dengan Tafsir Mafātih al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **jelas** dan **mudah difahami** serta menunjukkan kesesuaian dengan merujuk ketiga-tiga ulama tersebut. Hal ini kerana, terjemahan dan tafsir-tafsir muktabar membahaskan bahawa golongan yang beribadah dan memohon selain daripada Allah SWT ibarat membuka tangan ke air serta mengharapkan ia sampai ke mulut. Namun, ternyata ia hanyalah perbuatan sia-sia dan tidak memberi manfaat. Selanjutnya, pengkaji memberikan dukungan dengan menyatakan pendapat tokoh yang lain berkaitan dengan ayat berikut. Berikut adalah jadual dan peta minda secara ringkas:-

Jadual 4.16: Perincian Tafsiran Surah Al-Ra'd ayat 14

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	<p>Pada ayat ini al-Qurtūbī menjelaskan bahawa Allah SWT hanya menerima doa-doa yang jujur. Ibnu Abbas RA, Qatadah serta ulama yang lain memberi pandangan ia adalah ungkapan “<i>laa ilaaha illa Allah</i>”. Manakala, al-Hasan berkata Allah ada benar, maka doa permohonan kepada-Nya yang diterima juga hanya doa yang benar. Namun demikian, sebahagian ulama kontemporari mengemukakan pendapat bahawa doa yang ikhlas adalah doa yang benar. Ada juga yang menyebutkan, doa yang benar adalah disaat dalam ketakutan kerana ketika itu seseorang akan bersungguh-sungguh dalam memohon kepada Allah SWT tanpa selain-Nya. Disebutkan juga, berhala sembah tidak mampu memperkenankan permohonan mereka dan langsung tidak akan mendengar seruan mereka. Lalu, Allah memberikan perumpamaan hajat mereka yang sia-sia dengan air. Al-Qurtūbī memberi tiga maksud pada ayat ini. Mujahid menerangkan bahawa keadaan seseorang yang berdoa selain daripada Allah SWT diumpamakan orang yang kehausan meminta air. Maka, dia berusaha mengambil air menggunakan lidahnya walhal jaraknya jauh dengan air. Kemudian, dia menggunakan tangannya untuk memberi isyarat kepada air. Namun, air tersebut tidak datang memenuhi seruan dia dan tidak pula datang dengan sendirinya. Manakala, Ibnu Abbas menyebut orang yang kehausan itu seperti kekhayalan adanya air, membuka kedua telapak tangannya ke dalam air lalu menciduknya. Namun, air tidak pula sampai mulutnya kerana ia hanya khayalan semata-mata. Adapun disebutkan juga mereka itu seperti orang yang membuka kedua telapak tangannya untuk mengambil air tetapi tidak memperoleh air sedikit pun. Selanjutnya, Ibnu Abbas menyatakan bahawa begitu suara-suara orang kafir yang terhalang daripada Allah SWT dan Allah SWT tidak mendengar doa-doa mereka.</p>
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Perumpamaan orang yang beribadah kepada selain Allah SWT. Ali Bin Ali Thalib menyebut bahawa golongan tersebut seperti orang yang mengambil air dari dalam perigi dengan tangannya, walhal ia tidak akan mendapatkannya sama sekali, lalu bagaimana air dapat sampai ke mulutnya? Disebutkan juga bahawa mereka diumpamakan orang yang mengulurkan tangannya ke dalam air sama ada untuk menggegamnya atau menangkapnya setelah itu, sebagaimana ia tidak memberi manfaat ke mulutnya untuk minum. Seperti itulah keadaan orang-orang musyrik yang menyembah Allah SWT setara dengan sesembahan lain yang tidak memberi faedah sama sekali kepada mereka di dunia mahupun akhirat.</p>
Tafsir Munir	<p>Hanya beribadah, menyembah dan doa kepada Allah SWT sahaja adalah benar bukan sembah selain Dia seperti berhala, arca, malaikat, dewa-dewa</p>

sebagainya. Disebutkan juga oleh Ibnu Abbas, Qatadah dan lain-lain memberi maksud *da'watul haqq* adalah kalimah tauhid "*Laa ilaaha illallahu*". Selanjutnya, sembah berhala, arca adalah penyembahan yang batil kerana tidak mampu mengabulkan doa, tidak boleh mendengar seruan mereka, tidak mempunyai faedah serta menjauhi mudharat daripada diri mereka sendiri. Sifat berhala tersebut diumpamakan orang yang membuka tangannya ke arah air dari jarak jauh dan memohon agar air itu sampai kepadanya. Sedangkan, air adalah benda yang mati dan tidak boleh memahami doa, tidak boleh memenuhi seruan serta tidak memahami adanya seruan. Ibadah dan penyembahan golongan kafir kepada berhala merupakan perbuatan yang rugi, sia-sia, kebatilan serta tiada kebaikan padanya. Perumpamaan berikut telah Allah SWT berikan kepada mereka yang memohon selain daripada Allah SWT.

boardmix



Rajah 4:16: Perumpamaan Surah Al-Ra'd ayat 14

4.1.17 Al-Ra'd: 17-19

Teks sumber:

﴿أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَهُ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حُلْيَةٍ أَوْ مَتَعٍ زَبَدٌ مِثْلَهُ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُتُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ ۝۱۷﴾

لَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ الْحُسْنَىٰ وَالَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا لَهُ لَوْ أَنَّ لَهُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا
وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ ۗ أُولَٰئِكَ لَهُمْ سُوءُ الْحِسَابِ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ۙ ١٨
﴿١٩﴾ أَلَمْ يَعْلمِ أَنَّ مَا نُزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ ۖ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو

الْأَلْبَابِ ١٩ ﴿﴾

Teks terjemahan:

Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhlukNya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung (*). Dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api (***) untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia (***) maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan (17) Bagi orang yang menyahut seruan Tuhan mereka sahajalah balasan yang sebaik-baiknya; dan orang-orang yang ingkar yang tidak menyahut seruanNya, kalaulah mereka mempunyai segala apa jua yang ada di bumi disertai dengan sebanyak itu lagi, tentulah mereka rela menebus diri dengannya (****) Mereka itu disediakan baginya hitungan hisab yang seburuk-buruknya, serta tempat kembali mereka ialah neraka jahanam; dan amatlah buruknya tempat tinggal itu (18) Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna (19)

Nota kaki:

(*) inilah misal yang pertama yang diberikan oleh Allah Ta'ala dalam ayat ini tentang perkara yang benar dengan yang salah, dan iman dengan yang kufur.

(**) seperti emas dan perak; tembaga dan timah. Inilah pula misal yang kedua.

(***) Iaitu air yang bersih dari sampah sarap, dan logam yang bersih dari kekotoran, maka ia tetap tinggal digunakan di bumi.

(****) Ya'ni menebus diri daripada ditimpa azab seksa yang disediakan untuk mereka pada hari akhirat kelak, yang tidak terperi sengsaranya.

Berdasarkan ayat di atas, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan

Tafsir al-Razi.


Rumusan pengkaji: Terjemahan Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** kerana terdapat nota kaki bagi membantu meningkatkan tahap kefahaman membaca. Jelas pada ayat berikut menerangkan bahawasanya terdapat dua keadaan bagi perumpamaan hak dan yang batil. Begitu juga, dijelaskan dalam tiga kitab tafsir dan pengkaji berpendapat terjemahan berikut bersesuaian dengan konteks ayat. Di bawah adalah jadual dan ringkasan peta minda:-

Jadual 4.17: Perincian Tafsiran Surah Al-Ra'd ayat 17-19

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathir	<p>Pada ayat ini mengandungi dua perumpamaan yang dinyatakan untuk kebenaran yang tetap kukuh dan kekal serta kebatilan pasti hilang dan musnah. Allah SWT memperincikan ayat ini tentang air hujan telah mengalir ke lembah masing-masing mengikut kesesuaian dengan ukurannya. Lembah yang besar mampu memuatkan air yang banyak. Manakala, lembah yang kecil memuatkan kadar air secukupnya. Hal ini membuktikan bahawa tanda hati manusia yang berbeza-beza iaitu ada yang dikurniakan ilmu yang banyak dan ada pula sempit serta tidak mampu menerima ilmu yang banyak. Perumpamaan yang pertama adalah lembah tersebut dialiri air lalu terjadi buih yang mengembang tinggi. Seterusnya, perumpamaan yang kedua adalah bahan-bahan yang dileburkan ke dalam api untuk membuat perhiasan seperti emas, perak atau kuningan dan besi untuk membuat peralatan. Hal itu pasti akan terjadi padanya buih yang timbul seperti terjadinya buih diperairan lembah berikut. Demikianlah, apabila kebenaran dan kebatilan bertemu, maka kebatilan tidak akan kekal lama dan tidak ubah sepertinya sifat buih ketika bersama air dan juga emas, perak, serta bahan lain yang seumpamanya. Bahkan, buih itu akan hilang dan hancur. Tambahan lagi, buih itu tiada kebaikan bahkan terbagi-bagi dan berpecah-belah serta hilang di kedua belah sisi lembah, bergantung pada pepohon dan berselerak ditiup angin. Begitulah pula keadaannya buih emas, perak, besi dan kuningan akan lenyap dan tidak akan kembali. Walhal air, emas, perak dan lain-lainnya itu kekal dan memberi manfaatnya.</p>
Tafsir Munir	<p>Perumpamaan tentang hak dan yang batil. Dinyatakan bahawa hujan turun ke lembah dan sungai hingga memuatkan tempat tersebut mengikut keluasan, begitu juga dengan hati manusia dan keteguhan iman. Di kawasan permukaan air tersebut mempunyai buih yang terapung dan ini merupakan perumpamaan hak (keimanan) dan batil (kekafiran). Selain itu, hak dan batil diumpamakan dengan logam seperti emas, besi, perak, logam dan sebagainya. Ketika, proses perleburan dilakukan buih</p>

		pada logam ada batil (kekafiran) dan yang kekal kukuh itu adalah hak (keimanan). Begitulah perumpamaan hak dan yang batil ketika dipertemukan.
Tafsir Qurtūbī	al-	Allah SWT memberikan perumpamaan antara yang hak dan batil. Golongan kafir diibaratkan dengan buih yang berada dipermukaan air. Buih tersebut akan segera lenyap dengan kaedah menepi pada tepian lembah lalu angin menghembuskannya. Perumpamaan yang kedua disebutkan juga perhiasan emas dan perak atau besi, tembaga dan timah kerana benda tersebut naik kepermukaan oleh buih seperti buih naik pada aliran air. Disebutkan juga air membawa buih kerana campuran tanah. Maka dari itulah terhasil buih. Sama juga halnya apa-apa yang dibakar dengan api. Contohnya, permata, emas, perak, timah yang keluar dari bumi bercampur dengan tanah. Ketika barang tersebut dibakar untuk dibersihkan kerana pembakaran, maka jatuhlah tanah yang melekat padanya. Kemudian, pada hak pula memberi manfaat pada manusia iaitu sebagaimana yang dikatakan oleh Mujahid adalah air murni dan bersih. Adapun yang mengatakan bahagian yang murni pada perak, emas, besi, tembaga dan timah. Demikianlah, kedua-dua perumpamaan yang menggambarkan kebenaran akan selalu ada dan kebatilan akan segela lenyap.

boardmix



boardmix

Rajah 4:17: Perumpamaan Surah Al-Ra'd ayat 17-19

4.1.18 Ibrāhim: 18 – 20

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَنَّ عَمَلَهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الضَّلُّ الْبَعِيدُ ۝ ۱۸ أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ ۚ إِنَّ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ۝ ۱۹ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ ۝ ۲۰﴾

Teks terjemahan:

Bandangan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur dan ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedahpun dari apa yang mereka telah usahakan itu (*) Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran (18) Tidakkah engkau telah nampak dan mengetahui bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat? Jika Ia kehendaki nescaya dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufuran kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baharu (19) Dan yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah melakukannya. (20)

Nota kaki:

(*) kerana segala apa yang telah mereka usahakan itu tidak berdasarkan kepercayaan yang betul benar, dan tidak pula menurut jalan yang berfaedah, atau mendatangkan sebarang kebaikan kepada mereka pada hari akhirat.

Pengkaji menemukan **ketepatan** pada terjemahan ayat ini berdasarkan rujukan Tafsir Mafatih al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Konteks terjemahan Tafsiran Pimpinan Rahman dilihat **jelas** dan **mudah difahami** tentang perumpamaan amalan golongan kafir yang diibarat seperti debu ditiup angin kencang. Hal ini dijelaskan sebagaimana ketiga-tiga tokoh tafsir muktabar dalam tafsirnya. Berikut adalah penghuraian tafsir dan peta minda:

Jadual 4.18: Perincian Tafsiran Surah Ibrāhim ayat 18-20

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathir	Berikut adalah perumpamaan yang dinyatakan Allah SWT bagi amalan perbuatan golongan kafir yang beribadah kepada Allah dan menyembah selain-Nya, mendustakan para Rasul dan melakukan amalan perbuatan mereka di atas dasar yang tidak benar, maka pasti hancur dan hilang di saat mereka memerlukannya.

	Perbandingan amalan perbuatan golongan kafir pada hari Kiamat, semasa mereka meminta pahalanya dari Allah Ta'ala kerana menganggap bahawa mereka berhak mendapatkan pahala akan tetapi sebaliknya. Mereka itu diumpamakan orang yang mengumpulkan abu pada hari yang berangin kencang dan usaha serta amal perbuatan mereka itu tidak berdasar dan tidak benar, sehingga mereka tidak mendapatkan pahala yang sangat diperlukan.
Tafsir Munir	Ayat di atas memberi perumpamaan perbuatan amalan soleh golongan kafir pada hari Kiamat (sedekah, silaturahim dan berbakti kepada orang tua). Ketika mereka memohon pahalanya daripada Allah SWT diibaratkan abu yang ditiup keras oleh angin kencang pada hari yang sangat berangin. Mereka tidak mendapatkan sesuatupun daripada amal kebaikan yang dilakuka di dunia ini. Mereka bagaikan ingin menangkap abu yang ditiup angin sangat kencang. Segala usaha dan amal mereka tidak memiliki asas, istiqamah dan kebenaran. Mereka juga kehilangan pahala serta tidak diterima amalnya disebabkan tidak beriman kepada Allah SWT.
Tafsir al-Qurtūbī	Allah SWT memberikan perumpamaan tentang amalan perbuatan orang kafir bahawa amalan mereka akan hilang sebagaimana keadaan angin yang kuat menerbangkan debu. Hal ini kerana, orang-orang kafir tersebut telah menuduh Allah SWT. Disebutkan juga, pada hari akhirat nanti, segala perbuatan baik yang mereka lakukan di dunia tidak diberikan pahala sedikitpun disebabkan kekafiran mereka terhadap Allah SWT.

boardmix



boardmix

Rajah 4:18: Perumpamaan Surah Ibrāhim ayat 18-20

4.1.19 Ibrāhim: 24 – 25

Teks sumber:

﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ۚ ٢٤ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ﴾ (٢٥)

Teks terjemahan:

Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangannya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (24) Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran)(*) (25)

Nota kaki:

(*) “Kalimah yang baik” ialah seperti kalimah tauhid, kalimah Qur’an, kalimah Rasul, atau secara umum tiap-tiap kalimah yang membuktikan iman dan ta’at kepada Allah ‘Aza wa jalla. “Kalimah yang baik” itu ialah ibarat sebatang pohon yang baik, yang tegak berdiri dengan gagahnya; pangkalnya bertunjang di bumi dan pucuknya menjulang ke langit. Ia sentiasa mengeluarkan buah yang lazat dengan izin Allah. Demikian juga halnya orang-orang beriman yang tetap teguh imannya dan tidak putus-putus amal kebajikannya, akan mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Berdasarkan terjemahan ayat di atas menunjukkan **ketepatannya** dengan Tafsir

Mafātih al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Pengkaji berpendapat terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** dan ditambahkan dengan nota kaki sebagai panduan meningkatkan kefahaman konteks ayat. Berikut adalah pandangan Ibn Kathīr, Wahbah Zuhaylī dan al-Qurtūbī sebagai maklumat sokongan dalam membahaskan tentang kesesuaian terjemahan untuk perumpamaan di atas. Hal ini kerana, ketiga-tiga tafsir ini menekankan bahawa kalimah yang baik adalah keimanan dan syahadah, yang diumpamakan sebagai pohon yang kuat, teguh, dan bermanfaat. Pohon ini melambangkan kekuatan iman dalam diri orang mukmin, yang menghasilkan amalan

yang diterima oleh Allah SWT dan mendatangkan manfaat kepada manusia. Berikut adalah perincian tafsir berdasarkan tiga tokoh tersebut:-

Jadual 4.19: Perincian Tafsiran Surah Ibrāhim ayat 24-25

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Pada ayat ini Allah SWT menerangkan tentang kalimah golongan mukmin. Disebutkan juga kalimah yang baik adalah seperti buah. Selain itu, Ibnu Abbas berkata kalimah yang baik adalah " <i>Laa ilaaha illallah</i> " dan pohon yang baik adalah orang yang beriman. Manakala, Mujahid dan Ibnu Juraij menyebut kalimat yang baik adalah keimanan. Bagi Athiyah al-aufa dan ar-Rabi' bin Anas berpendapat kalimat yang baik adalah orang beriman, Ikrimah pula berkata pohon tersebut adalah kurma. Selanjutnya, kalimah yang baik adalah keimanan. Ia diumpamakan dengan tumbuhnya pohon kurma dan diumpamakan tingginya amalannya di langit dengan ketinggian pelepah pokok kurma, akan tetapi pahala daripada Allah SWT diumpamakan buah.
Tafsir Ibn Kathīr	Kalimah baik yg dimaksudkan syahadah iaitu " <i>Laa ilaaha illallah</i> " dan pokok yg baik bermaksud org mukmin. Diumpamakan org mukmin dgn pokok baik yang akarnya teguh disebabkan di dalam hati orang mukmin terdapat keimanan kpd Allah. Ayat " <i>Dan cabangnya menjulang ke langit</i> " merujuk kepada amalan orang mukmin diangkat ke langit (diterima oleh Allah) kerana mereka beriman. Ad-dhahak, Sa'id bin Jubair, 'Ikrimah, Mujahid dan mufasssirin yang lain memberi penerangan yang lebih terperinci tentang perumpamaan ini adalah berkenaan amalan, perkataan yg baik org mukmin. Penerangan itu juga menambah bahawa orang mukmin juga seperti pokok kurma yg sentiasa memberi hasil tidak kira musim sebagai bukti didatangkan hadis selepasnya. Persamaan org mukmin dgn pokok kurma ialah org mukmin segala perbuatan dan perkataan yg baik membuahkan hasil (diterima Allah atau diberi ganjaran). Sama juga pokok kurma yang sentiasa mengeluarkan hasil iaitu diterima, diguna, diambil manfaat oleh manusia.
Tafsir Munir	Allah SWT mengibaratkan pohon yang baik seperti kalimat tauhid, Islam dan dakwah al-Qur'an. Pohon yang baik disebutkan juga adalah pohon kurma yang memiliki empat ciri-ciri berikut. Pertama, pohon yang baik, bagus fizikalnya dan bentuk, harum aromanya, elok buahnya dan pelbagai manfaatnya. Kedua, pangkal batang yang kuat dan akar yang teguh mencengkam bumi (tidak boleh dicabut). Ketiga, keadaanya begitu sempurna kerana cabang dan dahan-dahannya yang menjalar tinggi dan bebas daripada kotoran sehingga menyebabkan hasil buahnya baik dan bersih. Maka, keempat adalah pohon kurma yang berbuah setiap waktu dengan ketentuan Allah SWT.

boardmix



boardmix

Rajah 4:19: Perumpamaan Surah Ibrāhīm ayat 24-25

4.1.20 Ibrāhīm: 26

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ۚ﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingkan kalimah yang jahat-buruk (*) samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkas akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.

Nota kaki:

(*) “Kalimah yang jahat-buruk” ialah kalimah kufur dan syirik. Bandingannya samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna, yang mudah terbongkas akar-akarnya dan tidak bertapak hidup. Demikian halnya orang kafir tidak mempunyai tapak pendirian yang menjamin keselamatannya. Dan sebagaimana pohon yang tidak berguna itu tidak mengeluarkan melainkan buah yang pahit maka demikianlah pula amal perbuatan orang yang kafir tidak mendatangkan sebarang faedah kepadanya pada hari akhirat kelak.

Berdasarkan terjemahan di atas, menunjukkan **ketepatan** dengan kitab Mafāṭih al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah** difahami kerana terdapat nota kaki yang diberikan sebagai pencerahan kepada pembaca tentang perumpamaan kalimah buruk. Selain itu, maklumat sokongan daripada tafsir-tafsir

pilihan dinyatakan untuk meneliti kesesuaian terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman pada ayat ini berkaitan gambaran yang selari mengenai kelemahan dan keburukan kalimah syirik atau kufur yang diumpamakan dengan pohon yang buruk tidak berakar, tidak teguh, dan tidak mendatangkan manfaat. Berikut adalah penjelasan dan perincian:-

Jadual 4.20: Perincian Tafsiran Surah Ibrāhim ayat 26

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	Ini adalah perumpamaan kekafiran golongan kafir yang tidak mempunyai asas dan tiada keteguhan. Ia diibaratkan pohon <i>al-hanzhal</i> atau <i>asy-syaryan</i> (buahnya pahit dan menyebabkan cirit-birit). Kemudian, diambil sampai akarnya sehingga tiada lagi punya akar dan tidak boleh berdiri tegak mahupun teguh.
Tafsir Munir	Perumpamaan kalimah yang buruk adalah kalimah syirik yang diibaratkan pohon buruk (pokok <i>hanzal</i>). Pohon yang buruk itu memiliki tiga kriteria iaitu pohon yang mempunyai rasa yang buruk disebabkan mengandungi kemudaratannya dan tidak baik atau memiliki bau dan aroma yang buruk. Pendapat lain mengatakan pohon yang buruk tersebut adalah bawang putih dan juga duri. Seterusnya, pohon buruk juga mudah tercabut dari bumi dan tidak memiliki pangkal dan akar. Hal ini sama juga seperti syirik kerana tidak mempunyai hujah yang kuat. Ciri terakhir bagi pohon yang buruk adalah tidak boleh tegak dan tidak teguh sama sekali serta sifat ini menguatkan lagi ciri-ciri di atas.
Tafsir al-Qurtūbī	Kalimah yang buruk adalah kalimah kufur. Pendapat lain menyatakan bahawa orang kafir itu sendiri. Sedangkan pohon yang buruk adalah <i>al-hanzhal</i> (sejenis labu yang rasanya pahit), manakala Ibnu Abbas pohon yang buruk adalah bawang putih. Disebutkan juga tidak memiliki akar di dalam perut bumi. Adapun pendapat lain, memang telah menjadi ketentuannya seperti itu. Demikianlah orang kafir, tidak mempunyai hujah, ketetapan, kebaikan untuk dirinya, perkataan yang baik mahupun amalan soleh yang naik ke langit.

boardmix



Rajah 4:20: Perumpamaan Surah Ibrāhim ayat 26

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

4.1.21 Al-Nahl: 75

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ شَيْءٍ وَمَن رَزَقْنَاهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا هَلْ يَسْتَوُونَ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾^{٧٥}

Teks terjemahan:

Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun; dan seorang lagi (yang merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya pemberian yang baik (harta kekayaan) dari Kami, maka iapun membelanjakan hartanya dengan bebasnya, samada secara bersembunyi atau berterang-terang; adakah kedua orang itu sama (*) Segala puji tertentu bagi Allah (dan Allah jualah yang berhak disembah), tetapi kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid itu).

Nota kaki:

(*) Demikianlah juga keadaan berhala yang mereka sembah itu; tidak dapat memberikan sebarang faedah kepada mereka, sebagaimana hamba abdi yang tidak dapat melakukan sesuatupun dengan bebasnya.


Berdasarkan terjemahan berikut, menunjukkan **ketepatan** dengan kitab tafsir al-Razi di bab yang lalu.

Rumusan pengkaji: Pengkaji berpendapat pada ayat ini, terjemahan Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah** difahami dengan merujuk nota kaki. Keterangan dalam terjemahan Basmeih dinyatakan serta bersesuaian dengan merujuk ketiga-tiga tafsiran rujukan. Berikut adalah:

Jadual 4.21: Perincian Tafsiran Surah Al-Naḥl ayat 75

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	Ibnu Abbas menyebutkan bahawa Allah SWT memberikan perumpamaan berkaitan orang kafir dan orang mukmin. Hamba yang dimiliki tidak dapat melakukan terhadap sesuatu perkara merupakan golongan kafir. Manakala, orang yang dikurniakan rezeki yang baik serta mampu membelanjakannya secara sembunyi dan terang adalah merupakan perumpamaan golongan mukmin.
Tafsir Munir	Perumpamaan yang Allah SWT berikan untuk menggambarkan keadaan berhala yang dibandingkan dengan Allah SWT. Perumpamaan golongan musyrik yang menyembah berhala sama sekali tidak memberikan manfaat dan mudarat. Mereka diibaratkan seorang yang menyamakan hamba yang tidak dapat melakukan apa-apa pun dengan hamba yang merdeka bebas dalam melakukan apa sahaja secara tersembunyi mahupun terang-terangan. Gambaran yang pertama adalah menunjukkan berhala tidak memiliki kekuatan. Namun, gambaran kedua menjelaskan Allah SWT yang Maha kuasa. Bagaimana Allah SWT yang memberi rezeki boleh disamakan berhala yang tidak memiliki dan tidak berkuasa? Segala puji bagi-Nya dan bukanlah berhala.

boardmix



Rajah 4:21: Perumpamaan Surah Al-Naḥl ayat 75

4.1.22 Nahl: 76

Teks sumber:

﴿وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا أَبْكَمًا لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَى مَوْلَاهُ أَيْنَمَا يُوَجِّههُ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ هَلْ يَسْتَوِي هُوَ وَمَنْ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ٧٦﴾

Teks terjemahan:

Dan Allah memberikan satu misal perbandingan lagi: Dua orang lelaki, salah seorangnya kelu pekak dari semulajadinya, tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya dan tidak dapat mendengar apa yang dikatakan kepadanya; dan ia pula menjadi beban kepada orang yang menjaganya; ke mana sahaja ia diarahkan pergi oleh penjaganya, tak dapatlah dia membawa sesuatu berfaedah; adakah dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serata dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan, dan ia sendiri pula berada di atas jalan yang lurus (jalan yang benar)? (*)

Nota kaki:

(*) Demikianlah juga keadaan berhala yang mereka sembah, samalah seperti orang yang kelu pekak itu, yang hanya menjadi beban dan tidak berguna.

Merujuk kepada terjemahan di atas, **bertepatan** dengan tafsir al-Razi menerusi penganalisan di bab 3.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih memberikan kefahaman yang **jelas** dan **mudah difahami** terhadap ayat yang membincangkan perumpamaan menyekutukan Allah SWT dalam dua keadaan manusia yang berbeza. Seterusnya, konteks terjemahan Basmeih bersesuaian dengan pengukuhan berdasarkan tafsir-tafsir dibawah:-

Jadual 4.22: Perincian Tafsiran Surah Al-Nahl ayat 76

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathir	Mujahid menyatakan bahawa ayat di atas merupakan perbandingan antara berhala dan Allah SWT yang maha benar. Disifatkan berhala itu bisu, tidak mampu berbicara dan tidak boleh menuturkan kebaikan serta tidak dapat melakukan apa pun. Malah, berhala menjadi beban bagi penanggungnya dan jika penanggungnya mengarahkan berhala tersebut melakukan sesuatu, usahanya sama sekali tidak berhasil. Adakah ciri-ciri ini sama seperti orang yang memerintahkan melakukan keadilan iaitu ucapan yang benar dan amalan yang lurus.
Tafsir Munir	Perbandingan berkaitan keadaan Allah SWT dan berhala. Perbandingannya seperti dua orang yang salah satunya bisu, tidak mampu berbicara tentang kebaikan, malah tidak boleh berbicara. Tambahan lagi, menjadi beban kepada penjaganya, merawatnya dan

memenuhi keperluan hidupnya. Setiap kali penjaganya mengarahnya untuk melakukan sesuatu, dia tidak boleh melakukannya, tidak memberi hasil yang baik kerana ia tidak memahami apa yang dikatakan dan juga tidak mampu berkata-kata. Manakala, seorang lagi orangnya normal, berkemampuan, berkebolehan dan mempunyai deria yang baik. Hal ini memberi manfaat pada dirinya dan orang lain, berbuat adil, berjalan meniti kebenaran dan keadilan, bersikap jujur dan benar serta agamanya lurus. Apakah sama kedua-dua keadaan individu tersebut?

Tafsir al-Qurtūbī - Perumpamaan yang diberikan oleh Allah SWT untuk diri-Nya dan berhala. Al-Qatadah dan lainnya berpendapat bahawa orang bisu tidak boleh melakukan apa-apa adalah berhala, padahal yang memerintahkan berlaku adil adalah Allah SWT. Adapun yang menyebut orang bisu adalah orang kafir dan ada pula yang menyatakan orang yang berlaku adil adalah seorang mukmin. Selain itu, dinyatakan juga bahawa orang bisu adalah orang yang tidak berakal. Ada pula yang mengatakan bahawa demikian itulah orang yang tidak mendengar dan tidak melihat. Di dalam tafsir orang bisu membawa maksud berhala bagi menjelaskan bahawa dia tidak memiliki keupayaan dan tidak berhak memerintah. Namun, Allah SWT tidak seperti itu malah adil menang atas setiap sesuatu. Apabila orang bisu dihantar oleh tuannya kemana sahaja, dia tidak mampu memberikan kebaikan. Hal ini disebabkan, dia tidak tahu dan tidak memahami apa yang dikatakan kepadanya. Apakah sama orang yang bisu dan orang yang memerintahkan untuk melakukan keadilan dan di atas jalan lurus?

boardmix



Rajah 4:22: Perumpamaan Surah Al-Nahl ayat 76

4.1.23 Al-Kahfi: 45

Teks sumber:

﴿وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيحُ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ۝٤٥﴾

Teks terjemahan:

Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur baur lah tanaman di bumi antara satu dengan lain (dan kembang subur lah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (*) (45)

Nota kaki :

(*) demikianlah misal perbandingan kehidupan makhluk dalam dunia ini yang pada mulanya kembang baik, tetapi akhirnya akan lenyap, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah Yang Maha Kuasa.

Dalam bab 3, pengkaji menyatakan terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsir Mafātiḥ al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **jelas dan mudah difahami**. Ringkasnya, ayat di atas mengumpamakan kehidupan dunia adalah bersifat sementara dan dekat dengan kehancuran diumpamakan seperti tumbuhan yang ditimpa hujan, lalu tumbuhan itu menumbuh dengan sangat baik dan dibinasakan oleh angin. Begitulah perihal kehidupan yang mencintai dunia yang fana. Seterusnya, pengkaji menyatakan bahawa konteks terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman bersesuaian dengan merujuk kitab Tafsir al-Qur’ān al-Azim, Tafsir Munir dan Tafsir al-Qurtūbī. Berikut adalah pandangan ulama-ulama tersebut:-

Jadual 4.23: Perincian Tafsiran Surah Al-Kahfi ayat 45

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Ciri-ciri orang yang sombong yang memohon kepadamu untuk menghalau golongan mukmin yang fakir perumpamaan bagi kehidupan dunia. Kehidupan dunia diumpamakan seperti air kerana sifatnya yang tidak tetap, tidak kekal dan sebagainya. Disebutkan juga air hujan turun menyebabkan tumbuhan menjadi sangat bagus. Kemudian, tumbuhan-tumbuhan itu hancur binasa kerana kekeringan. Lalu angin menebarkannya, dikatakan oleh Abu Ubaidah. Manakala, Ibnu Qutaibah menjelaskan dicabut oleh angin, sedangkan Ibnu Kaisan mengatakan angin yang membawanya dan mendatangkannya kembali. Selain itu, Ibnu Abbas memberi pandangan bahawa angin memutarnya. Namun, kesemua makna tersebut saling berdekatan.
Tafsir Ibn Kathīr	Perumpamaan kehidupan dunia adalah seperti kehancuran, kefanaan dan pengakhirannya. Semua yang ada di dalamnya berupa biji-bijian. Lalu, tumbuh dengan indah dan meninggi serta menjadi bunga. Kemudian, semuanya hancur dan diterbangkan ke kanan dan ke kiri. Hal ini membuktikan bahawa Allah SWT berhak menjadikan sesuatu keadaan mengikut kehendak-Nya.
Tafsir Munir	Perumpamaan golongan musyrik yang sombong dengan harta dan kekayaan serta pengikut setianya. Lalu diberikan perumpamaan yang menerangkan kehinaan dan kefanaan dunia. Dunia yang dilihat tersergam indah, tiba-tiba menjadi kelam atas kehendak Allah SWT dan hilang segala keindahannya serta kemegahannya. Dunia gemerlapan dan indah itu hancur serta lenyap diibaratkan tanaman hijau dengan bunga yang cantik segar dan indah dipandang mata. Tanaman tersebut semakin subur akibat siraman air dari langit. Namun, setelah itu tanaman itu tiba-tiba berubah menjadi layu dan kering, maka ia mudah tertiuip angin atau bertebaran kiri serta kanan. Allah SWT maha kuasa untuk menghancurkan sesuatu seperti tanaman hijau yang menyegarkan lalu menjadi hancur lebur. Oleh kerana itu, tidak selayaknya orang yang berakal tenggelam dalam keindahan dunia, berbangga dan menyombongkan diri dengan semua itu.

boardmix

Al-Kahfi: 45 (Kehidupan Dunia; Perumpamaan Air Turun Daripada Langit Dan Bercampur Dengan Tumbuhan)

Al-Qurtubi

Kehidupan hidup ibarat hujan menimpa tumbuhan, lalu menjadikan ia subur. Namun ia dilenyapkan oleh angin. Hal ini kerana, sifatnya tidak kekal.

Ibnu Katsir

Kebinasaan dunia seperti biji-bijian yang ditimpa hujan lalu tumbuhan mekar dan musnah ke kiri dan kanan. Allah SWT berhak atas segala sesuatu. Hal ini disebabkan dunia disifatkan dengan kehancuran, kefanaan dan pengkhiran.

Wahbah Zuhaili

Keindahan dunia umpama tanaman hijau yang indah, kemudian layu lalu ditiup oleh angin. Allah SWT maha kuasa akan segala sesuatu.

boardmix

Rajah 4:23: Perumpamaan Surah Al-Kahfi ayat 45

4.1.24 Al-Nūr: 35

Teks sumber:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Teks terjemahan:

Allah yang menerangi langit dan bumi (*). Bandingan nur hidayah pertunjuk Allah (Kitab Suci Al-Qur'ān) adalah sebagai sebuah “misykaat” (**), yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam gelok kaca (qandil), gelok kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyatakan dengan minyak dari pokok banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu – memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya yang berlapis (***). Allah memimpin sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang dan peraturannya) kepada nur hidayahnya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Nota kaki:

(*) Ya'ni Allah Ta'ala memberi hidayah pertunjuk kepada penduduk langit dan bumi dengan dalil-dalil dan bukti yang terdapat dalam alam yang terbentang luas dan dengan ayat-ayat keterangan yang diturunkan kepada Rasul-rasulNya.

(**) “Misykaat” ialah lobang yang tidak tembus yang diadakan ditembok (dinding rumah) sebagai tempat meletakkan lampu supaya pancaran cahayanya kuat dan tidak berselerak.

(***) Ya'ni bandingan cahaya pertunjuk Allah menyinari hati orang-orang yang beriman adalah ibarat sebuah lampu yang terang benderang yang terletak dalam tempat kurungannya. Bertambah pula lampu itu dalam sebuah qandil (gelok kaca), dan kerana jernihnya kaca tersebut menjadikan cahaya lampu itu gemerlapan laksana bintang di langit yang bersinar cemerlang. Lebih-lebih lagi minyak lampu itu dari pokok yang banyak manfaatnya iaitu pokok zaitun yang tumbuh dalam daerah yang sentiasa mendapat sinaran matahari, yang menyebabkan minyaknya jernih bersinar-sinar. Semuanya itu menjadikan cahaya lampu itu berganda-ganda.

Bab yang lepas, pengkaji menemukan bahawa terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih

hampir bertepatan dengan tafsiran al-Razi.


Rumusan pengkaji: Pengkaji mendapati bahawa terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** dan mencapai maksud konteks ayat dengan disokong dengan perbahasan tafsir-tafsir muktabar pilihan. Ayat berikut memberikan maksud tentang petunjuk daripada Allah SWT yang diumpamakan seperti misykaat dan bertambah sinarnya dengan pelbagai keadaan bagi menerangkan ketakjuban sinaran hidayah daripada Allah SWT. Berikut adalah perincian dan ringkasan peta minda:

Jadual 4.24: Perincian Tafsiran Surah Al-Nūr ayat 35

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perumpamaan cahaya Allah SWT adalah hidayah yang Allah SWT berikan kepada hati orang yang beriman. Disebutkan “ <i>misykaat</i> ” adalah lobang tidak tembus, tempat simpan sesuatu, tiang pelita yang mempunyai sumbu dan pelita. Pelita yang berada dalam kaca lebih terang berbanding yang tidak ada padanya. Kaca tersebut seakan bintang-bintang bermaksud keadaan yang menyinarikan. Dijelaskan juga dua keadaan sinaran itu iaitu kaca dengan pelita atau kaca itu sendiri kerana kejernihannya. Nyalaan dengan minyak dari pohon zaitun (pohon agung) yang terkena sinaran ketika matahari terbit dan tidak terkena ketika matahari terbenam. Seterusnya, “cahaya atas cahaya” bermaksud pada lubang yang tidak tembus cahaya, disitu tempatnya terkumpul cahaya pelita, kemudian cahaya, kemudian cahaya minyak sehingga itu menjadi cahaya atas cahaya. Allah SWT memberi hidayah dan menyesatkan kepada siapa yang Dia kehendaki.
Tafsir Ibn Kathīr	Allah SWT memberi petunjuk kepada penduduk langit dan bumi. Disebutkan juga bahawa cahaya adalah petunjuk Allah SWT dalam hati orang mukmin seperti misykaat (lobang tak tembus) dan hati orang mukmin (hidayah dan cahaya al-Quran). Ibnu Abbas, Mujahid, Muhammad Bin Ka’ab dan lain menerangkan “misykaat” adalah tempat sumbu pada lampu (pendapat mashur). Diterangkan juga “misbah”, cahaya yang ada di dalam lentera. Manakala, Ubay Ka’ab menyatakan “misbah” adalah cahaya (al-Qur’ān dan iman dada orang mukmin). Cahaya tersebut memancar dalam kaca bening. Seterusnya, bintang-bintang yang bercahaya berasal daripada minyak zaitun (pohon berkat). Tempat terbitnya bukan di timur dan bukan di barat sehingga tertetapi bayangan sebelum matahari terbenam. Namun, letaknya di tengah dan terus disinari matahari sejak pagi sampai petang. Allah SWT beri hidayah kepada

	siapa Dia mahu. Allah SWT tahu siapa berhak mendapat hidayah dan berhak menyesatkan.
Tafsir Munir	Allah SWT adalah penyinar, penerang dan pembimbing bagi seluruh alam. Golongan yang mendapat hidayah Allah SWT, hatinya akan bersinar dengannya dan mendapat kebahagiaan dunia akhirat. Penjelasan al-Qur'andan keimanan yang ada di hati seorang mukmin seperti sinar cahaya pelita yang terdapat dalam sebuah kaca lentera yang bening di letakkan pada misykaat supaya sinar cahaya terpancar ke arah yang dituju atau sesuai dengan keperluan. Seakan-akan kaca lantera yang jernih menggilap dan bersinar seperti bintang besar yang bercahaya sangat terang. Seterusnya, minyak bakar pelita itu adalah zaitun (pokok banyak manfaat). Kejernihannya yang ada seolah-olah tidak memerlukan api untuk bersinar. Begitulah hati seorang mukmin, jika belum diisi dengan ilmu dan setelah itu lebih lagi bersinar. Cahaya berlapis-lapis bermaksud campuran misykaat, kaca, pelita, minyak sehingga menjadikan sinar cahaya menjadi kuat tanpa perlu bantuan. Allah SWT memberi hidayah kepada yang Dia kehendaki.

boardmix



boardmix

Rajah 4:24: Perumpamaan Surah Al-Nūr ayat 35:

4.1.25 Al-Nūr: 39

Teks sumber:

﴿وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمُلُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا

وَوَجَدَ اللَّهُ عِنْدَهُ فَوْقَهُ حِسَابًا ۗ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

Teks terjemahan:

Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju kearahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah disisi amalnya, lalu Allah menyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisabNya (*) – (39)

Nota kaki:

(*) Setelah Allah Ta'ala menerangkan perihal orang-orang yang beriman dan bahawa mereka di dunia berada dalam sinaran cahaya hidayah pertunjuk yang berlapis-lapis, yang dilimpah oleh Allah Ta'ala kepada mereka, dan di akhirat pula mereka akan menerima sebaik-baik balasan, maka dalam ayat ini dan ayat yang berikutnya diterangkan pula perihal orang-orang kafir, yang akan rugi dan hampa di akhirat kelak, kerana amal-amal mereka yang baik yang mereka sangka dapat menolong mereka, tidak dapat menyelamatkan mereka dari azab Allah. Mereka adalah ibarat orang dahaga di padang pasir pada tengah hari yang terik panasnya. Ia melihat riak sinaran panas dari jauh seperti air, dan setelah ia menerkam ke situ hampalah dia kerana tidak mendapati sesuatupun.

Berdasarkan pada bab yang lalu, pengkaji mendapati terjemahan Tafsiran Abdullah Basmeih dilihat **bertepatan** dengan pandangan al-Razi.


Rumusan pengkaji: Pengkaji mendapati terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami**. Hal ini kerana, beliau telah meletakkan nota kaki menyampaikan maksud yang tersirat disebalik ayat tersebut. Ayat ini menerangkan perumpamaan berkaitan golongan kafir yang melakukan kebaikan tidak akan mendapat ganjaran daripadanya ibarat orang yang kehausan menyangkakan air di sebuah kawasan, malah itu hanya fatarmorgana. Kenyataan ini disokong dengan penerangan daripada ketiga-tiga kitab tafsir di bawah:-

Jadual 4.25: Perincian Tafsiran Surah Al-Nūr ayat 39

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perumpamaan golongan kafir yang terlihat sesuatu pada waktu tengahari yang terik seperti air di dalam lubang yang berada di tanah dan kabus terlihat dipagi hari seperti air

	(fatamorgana). Orang yang haus menyangka fatamorgana itu air. Mereka menyangka itu air, walhal ia hanya tanah yang tidak menyimpan air. Begitulah balasan amalan orang kafir.
Tafsir Ibn Kathīr	Pada ayat ini, Allah SWT menyebutkan tentang perumpamaan golongan kafir. Golongan kafir yang menyeru kepada kekafirannya dan merasakan bahawa mereka dipihak yang benar namun mereka berpaling daripada kebenaran hakiki dibaratkan fatamorgana di tanah datar yang terlihat daripada jauh seolah-olah lautan luas. Disaat mereka memerlukan air, mereka terbayang disesuatu tempat itu memiliki air, namun mereka diperdaya oleh fikirannya sendiri kerana tidak didapati sesuatu apa pun disitu. Demikianlah, keadaan golongan kafir yang tidak memperoleh satupun kebaikan daripada amalan perbuatannya di akhirat kelak kerana tidak ikhlas dan tidak memahami syariat.
Tafsir Munir	Perumpamaan yang Allah SWT gambarkan tentang keadaan orang kafir di akhirat dan di dunia. Sesungguhnya amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang kafir yang tidak mahu mengesakan Allah SWT, mendustakan serta tidak mahu mengakui al-Qur'an dan Rasulullah atau orang kafir ini menyeru kepada kekafiran dan menyangka bahawa amalan kebaikan yang mereka kerjakan itu mampu memberi manfaat kepada mereka di sisi Allah SWT serta boleh menyelamatkan mereka daripada azab-Nya. Kemudian, tanggapan dan harapan mereka terhadap hari akhirat kelak lenyap begitu sahaja. Hal ini diumpamakan seperti fatamorgana yang dilihat oleh seorang lelaki yang kehausan di tengah padang pasir atau hamparan tanah datar yang sangat luas. Dia menyangka bahawa terdapat air di situ. Lalu, dia pergi ke tempat tersebut dan ternyata tidak seperti yang dia harapkan. Begitulah gambaran amalan yang dilakukan oleh orang kafir.

boardmix



boardmix

Rajah 4:25: Perumpamaan Surah Al-Nūr ayat 39

4.1.26 Al-Nūr: 40

Teks sumber:

﴿أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ظُلُمَاتٌ
بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكَدْ يَرَاهَا وَمَنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ
مِنْ نُورٍ ۝٤٠﴾

Teks terjemahan:

Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; disebelah atasnya pula awan tebal; (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis – apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa tidak menjadikan Allah – menurut undang-undang peraturannya – mendapat cahaya (hidayah pertunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar). (**) (40)

Nota kaki:

(**) Demikianlah keadaan orang-orang kafir degil dalam kekufurannya sentiasa hidup meraba-raba dalam gelap-gelita kufur dan syirik yang berlapis-lapis, laksana gelap-gelita di lautan yang dalam, sehingga pada sa'at itu tidak dapat melihat tangan sendiri. Mereka yang demikian keadaannya tersisihlah dari mendapat cahaya pertunjuk Allah yang membawa ke jalan yang benar.


Pengkaji mendapati terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan kitab tafsir al-Razi pada bab yang lalu.

Rumusan pengkaji: Pengkaji mendapati terjemahan Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** serta mencapai maksud sebenar bagi perumpamaan tersebut. Hal ini kerana, perumpamaan bagi golongan kafir sentiasa berada di dalam kesesatan dan tidak mendapat pentunjuk daripada Allah SWT sama seperti dasar laut yang gelap serta diikuti dengan ombak dan awan yang tebal. Kemudian, pengkaji mengukuhkan

pandangan menerusi pentafsiran ketiga-tiga ulama menerusi ayat di atas. Berikut adalah:-

Jadual 4.26: Perincian Tafsiran Surah Al-Nūr ayat 40

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Perumpamaan lain bagi amalan golongan kafir umpama fatamorgana di tanah yang datar atau seperti gelap-gelita (kekufuran). Seperti seseorang yang mengalami kegelapan. Keadaan ini ditujukan kepada kekafiran orang kafir (al-Jurjani), adapun menyebut orang kafir (Abu Ali). Kegelapan itu seperti kedalaman yang tidak ditemukan di dasar laut. Ombak juga menaiki bahagian atas lautan yang dalam itu dan diikuti juga dengan ombak kedua, awan dan angin yang menakutkan. Mereka telah berada dalam kegelapan yang bertindih-tindih, sehingga mereka hampir-hampir tidak nampak tangan mereka. Tidak mendapat petunjuk Allah SWT ia gelap-gelita.
Tafsir Ibn Kathīr	Golongan kafir yang diumpamakan seperti tomato busuk serta berpegang bulat-bulat kepada pemerintah yang kafir, bisu, tuli dan tidak dapat berfikir. Allah SWT mengumpamakan mereka seperti berada didalam laut yang begitu dalam dan hampir tidak dapat melihat kerana sangat gelap. Ini adalah perbandingan hai golongan kafir yang jahil kerana tidak mengetahui hakikat orang yang mengiringinya serta tidak tahu kemana mereka akan dibawa. Ubay bin Ka'ab, as-Suddi dan ar-Rabi menyebut bahawasanya kegelapan tersebut terbahagi kepada lima iaitu perkataannya gelap, amalnya gelap, tempat masuknya gelap, tempat keluarnya gelap dan tempat kembalinya gelap (neraka). Allah SWT menjelaskan bahawa mereka yang tidak diberikan hidayah oleh-Nya pastinya akan binasa, jahil, terhalang, hancur dan kafir.
Tafsir Munir	Perumpamaan perbuatan golongan kafir yang tidak berlandaskan kebenaran atau hanya mengikut-ikut orang lain umpama kegelapan yang bertimbun-timbun di dasar lautan yang dalamnya diliputi dengan ombak yang bergulung-gulung serta awan yang tebal menutup sinar bintang di langit. Maka, tiga jenis kegelapan yang dinyatakan iaitu kegelapan lautan, kegelapan ombak dan kegelapan awan. Seperti itulah keadaan orang kafir yang diliputi kegelapan tersebut iaitu mereka terhalang daripada menerima kebenaran dan petunjuk. Manakala, kegelapan yang dikatakan oleh al-Hasan pula adalah kegelapan akidah, kegelapan perkataan dan kegelapan amal perbuatan. Selain itu, Ibnu Abbas berpendapat kegelapan dari sudut hati, penglihatan dan pendengaran orang kafir. Sesungguhnya ketiga-tiga kegelapan tersebut adalah kegelapan-kegelapan yang terkumpul, berlipat-lipat dan bertumpuk-tumpuk. Disebutkan juga bahawa barangsiapa yang tidak mendapat taufik dan hidayah-Nya adalah orang yang binasa, celaka dan rugi.



Rajah 4:26: Perumpamaan Surah Al-Nūr ayat 40

4.1.27 Al-ʿAnkabūt: 41

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾﴾

Teks terjemahan:

Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah (*), kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan.(**)

Nota kaki:

(*) setelah Allah Ta'ala menerangkan bagaimana kaum-kaum yang kufur ingkar itu telah binasakan maka dalam ayat ini diterangkan tentang kebodohan orang-orang musyrik yang menjadikan berhala-berhala atau makhluk-makhluk yang lain sebagai tuhan-tuhan yang disembah dan diharapkan pertolongannya, sedang benda-benda itu amatlah lemah tidak berkuasa, dan tidak dapat memberi kepada mereka sebarang pertolongan. Perbuatan mereka yang kafir itu adalah ibarat labah-labah yang membuat sarangnya untuk melindunginya dari sesuatu bahaya, sedang sarang yang dibuatnya itu amatlah reput dan tidak dapat memberikan kepadanya sebarang perlindungan.

(**) Ya'ni kalau mereka mengetahui hakikat ini, tentulah mereka tidak tergamak melakukan perbuatan syirik yang bodoh itu.


Pada bab 3, pengkaji mendapati terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan

Tafsir *Mafātiḥ al-ghayb*.

Rumusan penkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih dilihat **jelas** dan **mudah difahami** dalam menerangkan perumpamaan golongan musyrik yang mentaati berhalanya umpama sarang labah-labah kerana memiliki pelbagai bentuk kelemahan seperti kerapuhannya, ringan dan pelbagai lagi. Tambahan pula, pengkaji telah menekuni terhadap tiga pendapat daripada kitab tafsir yang berbeza. Konteks terjemahan Basmeih dilihat bersesuaian. Berikut adalah perincian terjemahan serta ringkasan perta minda:-

Jadual 4.27: Perincian Tafsiran Suran Al-^eAnkabūt ayat 41

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	Allah SWT telah membuat perumpamaan bagi golongan musyrik yang menyembah dewa-dewa selain Allah iaitu mengharapkan pertolongannya, memohon rezeki dan berpegang kepadanya dalam keadaan sempit. Mereka laksana sarang labah-labah yang sifatnya lemah dan rapuh. Tidak ada ciri-ciri sembahhan dewa mereka tersebut kecuali sifatnya sarang labah-labah. Jikalaulah mereka mengetahui hal berikut, sudah pasti Allah SWT sebagai penolong utama mereka.
Tafsir Munir	Sifat golongan musyrik yang menjadikan berhala sebagai sembahhan selain Allah SWT kerana ketamakan dalam menolong, memberi rezeki, memberi keuntungan dan mempercayai berhala dalam menghadapi bencana adalah seperti sifat labah-labah dalam kelemahannya membuat rumah untuk dirinya yang menyangka bahawa mampu menyelamatkannya daripada gangguan, panas dan dingin. Jika didatangi angin, maka ia akan berterbangan. Maka begitulah keadaan golongan musyrik yang memuja selain Allah SWT. Seterusnya, Allah SWT menjelaskan kelemahan sarang labah-labah yang paling mudah hancur kerana ringan dan tidak meninggalkan sesuatu apa pun. Demikianlah perbuatan yang mensia-siakan. Sekiranya mereka benar-benar tahu bahawa berhala tidak memiliki kebaikan padanya.
Tafsir al-Qurtūbī	Al-Farra' menyebut bahawa Allah SWT memberikan gambaran bagi seseorang yang menyembah tuhan selain Allah SWT sama sekali tidak memperoleh manfaat daripadanya diibaratkan rumah labah-labah yang bersifat tidak mampu melindungi daripada udara panas mahupun dingin. Hal ini disamakan seperti sembahhan selain Allah SWT yang tidak mempunyai faedah atau mudharatnya. Seandainya manusia mengetahui bahawa sembahhan berhala sama sama seperti sarang labah-labah yang rapuh.



Rajah 4:27: Perumpamaan Suran Al-^oAnkabūt ayat 41

4.1.28 Al-Rūm: 28

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِّنْ أَنْفُسِكُمْ هَلْ لَكُمْ مِّنْ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِّنْ شُرَكَاءَ فِي مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ كَخِيفَتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾﴾

Teks terjemahan:

Ia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu menerima sebahagian dari hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi kongsi-kongsi kamu pada hartabenda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu, mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (menguruskan hartabenda itu dengan tiada persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (berbuat demikian dengan orang-orang yang berkongsi dengan kamu – yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami menjelaskan keterangan-keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya. (*)

Nota kaki:

(*) ayat ini ditujukan kepada kaum kafir musyrik; ya'ni kalau mereka tidak pernah membenarkan hamba-hamba mereka mempunyai hak yang sama dengan mereka, maka bagaimana mereka tergamak mempersekutukan Allah Ta'ala dengan makhluk-makhluk yang mereka sembah dan yang mereka harapkan pertolongannya untuk mendapat pengampunan dan belas kasihan, sedang sekalian makhluk adalah kepunyaan Allah Ta'ala yang diciptakanNya dan dikuasaiNya dengan sepenuh-penuh kuasa sehingga tidak ada sesiapa pun yang dapat membuat sebarang permohonan untuk menolong melainkan dengan izinNya.

Merujuk kepada bab yang lepas, pengkaji telah menemukan terjemahan Tafsir

Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** Tafsir al-Razi.


Rumusan pengkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih dilihat **jelas** dan **mudah difahami** kerana menerangkan keadaan golongan musyrik yang menyekutukan Allah SWT dengan diri mereka yang hina dalam bab kesamarataan hidup. Hal ini, tidak boleh bahkan hina bagi mereka yang menyamakan hak mereka dengan Allah SWT. Hal ini turut dibahaskan oleh , tafsir-tafsir muktabar. Berikut adalah penghuraian ayat di atas serta ringkasan peta minda:-

Jadual 4.28: Perincian Tafsiran Surah Al-Rūm ayat 28

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Pada ayat ini Allah SWT menjelaskan perumpamaan yang datang daripada diri mereka sendiri. Al-Qatadah menerangkan bahawa perumpamaan yang Allah SWT turunkan ini adalah untuk golongan musyrikin. Maksudnya, adakah salah seorang daripada kalian rela bahawa hambanya sama seperti dia dalam hal hartanya dan dirinya? Apabila mereka tidak rela dengan kesamarataan ini bagi mereka, lalu bagaimana boleh mereka menjadikan sekutu untuk Allah SWT?
Tafsir Ibn Kathīr	Perumpamaan yang Allah SWT turunkan bagi golongan musyrik yang menyembah selain Dia bersama-Nya serta menjadikan bagi-Nya berbagai sekutu. Mereka menyakini bahawa berhala dan patung-patung itu adalah hamba dan milik Allah SWT. Hakikatnya Allah SWT memberikan perbandingan diri kalian sendiri iaitu salah seorang daripada kalian rela menjadikan hambanya sebagai sekutu dalam hartanya, maka mereka yang menjadi berhalanya sebagai penyembahan adalah sama seperti mereka yang menjadikan hambanya sekutu dalam hartanya. Kemudian, kalian berasa bimbang bahawa hambanya mendapatkan bahagian harta daripada kalian. Lalu, Allah SWT menghuraikan bahawa golongan musyrik menyembah selain Dia hanya kerana kebodohan diri mereka sendiri.
Tafsir Munir	Allah SWT telah membuat perumpamaan daripada keadaan yang dialami oleh manusia, emosi dan perasaan dengan diri setiap insan. Hal ini kerana, membuktikan keesaan Allah SWT serta menjauhi penyembahan arca mahupun berhala. Perumpamaan ini menjelaskan tentang adakah kaum musyrik menerima dan rela memiliki sekutu pada harta kekayaan kalian dan sekutu kalian adalah hamba milik kalian sehingga mereka memiliki posisi setara dan sepadan dengan kalian dalam hak harta kekayaan, namun pada hakikatnya kalian tidak mahu bahagikan dengan mereka?! Seandainya kalian tidak mahu hal perkara tersebut terjadi menimpa kalian, lalu bagaimana kalian menyekutukan Allah SWT? Demikianlah penjelasan dan huraian bagi membuktikan kepada golongan yang menggunakan akal mereka serta

merenungkan perkara yang disebut berbentuk dalil-dalil yang logik dan hujah menyakinkan.

boardmix



boardmix

Rajah 4:28: Perumpamaan Surah Al-Rūm ayat 28

4.1.29 Al-Zumar: 29

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَكِّسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا
 الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾ (٢٩) ﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ٣١
 ﴿فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَذَبَ عَلَى اللَّهِ وَكَذَّبَ بِالصِّدْقِ إِذْ جَاءَهُ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى
 لِّلْكَافِرِينَ ٣٢﴾

Teks terjemahan:

Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba lelaki yang dimiliki oleh beberapa orang yang berkongsi yang bertentangan tabi'at dan kemahuannya; dan seorang hamba lelaki yang lain hanya dimiliki oleh seorang sahaja; adakah kedua-dua hamba itu sama keadaannya (*)? (Tentulah tidak sama). Ucaplah: "Alhamdulillah", (sebagai bersyukur terhadap penjelasan soal tauhid itu) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid). (29) Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati.(30) Kemudian, sesungguhnya kamu semua, pada hari kiamat, akan bertengkar berhujjah di hadapan Tuhan kamu (31) (Apabila berlaku yang demikian), maka nyatalah bahawa tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah, dan mendustakan kebenaran sebaik-baik sahaja kebenaran itu disampaikan kepadanya. Bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka Jahanam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang kafir? (32)

Nota kaki:

(*) Misal perbandingan ini menggambarkan keadaan orang-orang musyrik yang menyembah banyak tuhan, dan orang-orang mu'min yang menyembah Allah Yang Maha Esa. Orang-orang musyrik akan tetap berada dalam keadaan resah gelisah dan serba salah, kerana tidak tahu kepada tuhan yang mana satu di antara tuhan-tuhannya yang banyak itu hendak ditujukan pujaan mereka dan hendak meminta pertolongannya. Mereka juga tidak mengetahui apa perkara-perkara yang disukainya dan yang tidak disukainya. Sebaliknya orang-orang mu'min yang mengesakan Allah Ta'ala akan tetap berada dalam keadaan tenang tenteram, kerana mereka sedia mengetahui apa yang diredhai Allah lalu mereka mengerjakannya, dan apa yang dibenci serta dimurkaiNya lalu mereka menjauhkannya.


Menerusi bab yang lepas, pengkaji merumuskan terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan Tafsir Mafāṭih al-Ghayb.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Abdullah Basmeih **jelas dan mudah difahami** dalam membahaskan perumpamaan hamba yang memiliki dua keadaan yang berbeza. Keadaan tersebut menyentuh isu tauhid. Hamba yang dimiliki oleh banyak Tuhan adalah sikapnya orang musyrik menyembah banyak Tuhan. Manakala, seorang hamba yang dimiliki seorang majikan adalah sikap orang muslim yang hanya mempercayai bahawasanya Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Berikut adalah perincian tafsiran sebagai sokongan maklumat dalam kesesuaian terjemahan Basmeih berdasarkan ketiga-tiga kitab tafsir muktabar pilihan iaitu dari sudut ciri-ciri hamba yang dinyatakan. Berikut adalah jadual sebagai rujukan:-

Jadual 4.29: Perincian Tafsiran Surah Al-Zumar ayat 29

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Ayat perumpamaan yang menyembah banyak tuhan dan satu tuhan. Seorang hamba diminta melayani seberapa ramai tuan yang bersekutu. Tuan mereka memiliki tabiat dan permintaan yang berbeza. Hambanya telah menyerahkan seluruh tenaga dan kemampuannya untuk memenuhi permintaan tuan-tuannya. Namun, tiada seorang pun

		<p>tuannya yang meredainya kerana tidak mengecapi seperti permintaan tuannya. Akan tetapi, berbeza dengan seorang hamba yang hanya melayani seorang tuannya. Hamba tersebut semampunya memberikan komitmen kepada tuannya tanpa ada menuntut haknya kepadanya. Disebutkan juga jika hambanya taat, maka tuannya mengetahui ketaatannya. Jika hambanya melakukan kesilapan, maka tuannya akan menasihatnya. Jadi, siapakah keadaan hamba yang melelahkan atau berjalan pada jalan yang benar? Maka yang benar akan mengikuti-Nya.</p>
Tafsir Kathīr	Ibn	<p>Allah SWT memberikan perbandingan berkaitan mereka yang saling berselisih tentang hamba yang mereka miliki secara berkongsi. Manakala, terdapat seorang hamba yang selamat dan semata-mata hanya miliknya serta tidak dimiliki oleh orang lain. Hal ini menunjukkan, sudah pasti tidak sama dengan yang lain. Demikianlah keadaan yang berbeza iaitu golongan musyrik menyembah selain Allah SWT dengan seorang mukmin yang ikhlas beribadah hanya kepada Allah SWT semata, tiada sekutu bagiNya. Kedua-dua keadaan berikut memberikan perbezaan yang amat jauh.</p>
Tafsir Munir		<p>Perumpamaan yang menjelaskan gambaran golongan Mukmin yang mengesakan Allah SWT dan golongan musyrik. Allah SWT telah membuat perumpamaan golongan musyrik yang menyembah banyak tuhan diibaratkan seorang hamba yang dikongsi bersama beberapa majikan yang saling berselisih dan bertengkar merebutnya, tidak mahu mengalah kerana buruknya tingkah laku dan tabiat mereka. Setiap daripada mereka mempunyai kehendak tersendiri yang tidak boleh dipersetujui sesama mereka. Seandainya, majikan mereka memohon sesuatu padanya, pasti hambanya berasa dalam kebingungan. Lalu, bagaimana ingin memudahkan majikannya. Begitulah keadaan golongan musyrik menyembah banyak tuhan dan ia tidak mampu menyenangkan semua tuhannya. Manakala, perumpamaan bagi golongan Mukmin yang mengesakan Allah SWT adalah seperti seorang hamba yang menjadi milik sepenuhnya oleh seorang majikan. Jika dia di arahkan oleh majikannya, maka dengan mudah hambanya melaksanakan tanpa rasa hairan. Begitulah perumpamaan yang dibuat kepada golongan Muslim yang menyembah Allah SWT demi mencapai redanya, adakah ia mereka merasakan dalam ketenangan atau kebingungan? Adakah sama keadaan kedua-dua hamba itu? Hal ini membezakan orang Mukmin dan musyrik. Segala puji hanya untuk-Nya atas hujjah yang diberikan untuk mereka dan kebanyakan manusia tidak mengetahui perbezaan tersebut sehingga mereka menyekutukan Allah SWT.</p>



Rajah 4:29: Perumpamaan Surah Al-Zumar ayat 29

4.1.30 Al-Fath : 29

Teks sumber:

﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ
 فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِمَّنْ أَنْزَلَ السُّجُودَ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ
 وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ
 الزَّרَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا
 عَظِيمًا﴾

Teks terjemahan:

Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadah ruku' dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaannya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang salih) terdapat pada muka mereka – dari kesan sujud (dan ibadat mereka ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab injil pula ialah: (bahawa mereka di'ibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak

dan tunasnya itu menyuburkannya , sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w. dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki – dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal salih dari mereka, keampunan dan pahala yang besar (29)

Nota kaki:

(*) Apa yang telah dijanjikan oleh Allah Ta'ala mengenai kejayaan agama Islam mengatasi agama-agama yang lain telah ternyata kebenarannya, kerana hanya dalam masa yang singkat sahaja Islam telah tersebar di merata-rata dunia dan telah menyebabkan umat Islam mencapai zaman yang keemasan, manakala ilmu pengetahuan Islam pula memberikan sumbangan yang besar dalam pembentukan tamaddun dunia.

Agama Islam masih berjaya mengatasi agama-agama lain sekalipun sesudah susutnya kuasa politiknya dari sebahagian besar daerah-daerah yang telah dikuasanya – terutama di benua Eropah – dan sesudah susutnya kekuatan umatnya di seluruh dunia berbanding dengan kekuatan umat-umat lain zaman sekarang yang telah muncul di timur dan di barat.

Ya! Agama Islam – menurut keadaannya sebagai agama – masih dan tetap berjaya mengatasi agama-agama yang lain, kerana bawaannya sesuai dengan tabi'at semula jadi manusia dan undang-undang alam, serta dapat memberikan apa yang diperlukan oleh roh dan akal, dan apa yang diperlukan oleh pembangunan dan kemajuan, juga apa yang diperlukan oleh berbagai masyarakat dari segala lapisan.

Merujuk kepada bab yang lepas, pengkaji telah membahaskan bahawa terdapat **ketepatan** antara terjemahan Abdullah Basmeih dan Tafsir al-Razi.

Rumusan pengkaji: Konteks terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman pada ayat berikut menunjukkan **jelas** dan **mudah difahami**. Hal ini kerana, Basmeih memberikan penjelasan yang baik tentang perumpamaan tunas yang lemah dan menjadi kuat serta kukuh seperti akhlaknya para sahabat bagi membantu Nabi Muhammad SAW dalam mempertahankan Islam. Selain itu, pengkaji mengukuhkan kesesuaian terjemahan tersebut dengan pandangan Ibn Kathīr, Wahbah Zuhaylī dan al-Qurtūbī. Berikut adalah perincian bagi setiap tafsir:-

Jadual 4.30: Perincian Tafsiran Surah Al-Fatḥ ayat 29

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	<p>Perumpamaan yang Allah SWT jelaskan bagi para sahabat Nabi Muhammad SAW iaitu jumlah mereka yang dulunya sedikit kemudian bertambah dan menjadi ramai. Pertama kali ketika agama Islam disebarkan, Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang lemah. Lalu satu demi satu daripada mereka (sahabat baginda) menerima agama Islam hingga baginda pun menjadi kuat. Maka keadaan tersebut digambarkan seperti tanaman yang muncul, setelah berbentuk benih dalam keadaan lemah. Kemudian, sedikit demi sedikit menguat hingga keraslah tunas tersebut bersama anak-anaknya. Perumpamaan ini tepat dan paling jelas. Al-Qatadah menyebutkan bahawa perumpamaan para sahabat Nabi Muhammad SAW dituliskan didalam Injil yang menerangkan bahawa mereka akan keluar daripada kaum yang tumbuh seperti tumbuhnya tanaman. Mereka menyeru kepada ma'ruf dan meninggalkan kemungkaran. Dijelaskan tunas tersebut menguatkan, membantu serta mengekalkan tanaman tersebut sehingga batangnya berdiri menjadi pokok. Selanjutnya, tanaman tersebut telah membuatkan penanamnya merasakan senang hati melihat tanaman tersebut. Allah SWT juga menjanjikan kepada orang yang bersama Nabi Muhammad SAW iaitu golongan beriman yang melakukan amal soleh seperti ganjaran Syurga.</p>
Tafsir Ibn Kathīr	<p>Allah SWT menerangkan sifat Nabi Muhammad SAW bahawa baginda merupakan seorang Rasul yang benar dan tiada keraguan padanya. Kemudian, para Sahabat telah diberikan pujian yang khusus dan semoga Allah meredai mereka semua. Demikianlah ciri golongan orang yang beriman kerana sikapnya yang keras dan tegas kepada golongan orang yang kafir tetapi bersikap lemah lembut dan baik kepada orang-orang pilihan. Seterusnya, golongan beriman juga akan mempamerkan kemurkaan dan kemarahan di hadapan orang kafir. Namun, akan sentiasa tersenyum dan penuh kegembiraan di hadapan saudaranya yang beriman. Mereka juga disifatkan banyak melakukan amalan kebaikan dan rajin mengerjakan solat merupakan amalan yang paling baik. Keikhlasan dalam mengerjakan ketaatan hanya kepada-Nya serta mengharapkan pahala yang besar daripada Allah SWT adalah disifatkan kepada orang yang beriman. Ianya Syurga yang mencakupi keseluruhan kurnian Allah SWT iaitu berbentuk kelapangan rezeki dan keredaan keatas mereka, dan ternyata keredaan Allah SWT adalah lebih besar. Pada terjemahan "<i>terdapat pada muka mereka – dari kesan sujud</i>" Ibnu Abbas menyebut bahawa wajah mereka menunjukkan tanda yang baik. Adapun Mujahid dan sebahagian ulama mengatakan bahawa ia memberikan maksud kekhusyukkan dan sikap tawadhu orang yang beriman. Dengan itu, disebutkan sifat-sifat golongan beriman dalam kitab Taurat dan juga Injil. Mereka diumpamakan tanaman yang mengeluarkan tunasnya yang semakin kukuh serta tumbuh membesar.</p>

Begitulah keadaan para Sahabat Rasulullah SAW yang kekal menyokong, memperkuat serta membantu Baginda. Allah SWT menjanjikan keampunan keatas dosa-dosa mereka telah lakukan dan ganjaran yang melimpah-ruah serta rezeki yang mulia bagi golongan yang beriman. Maka, janji Allah SWT itu benar.

Tafsir Munir Nabi Muhammad adalah seorang Rasul daripada sisi Allah SWT tanpa ada keraguan padanya. Diceritakan bahawa para sahabat Baginda mempunyai ciri yang tegas terhadap golongan yang memungkir Allah SWT serta memusuhi mereka, namun bersikap lemah lembut dan saling mengasihi sesama mereka. Kemudian, para sahabat Baginda sentiasa memperbanyak solat dengan penuh keikhlasan. Hal ini menyebabkan mereka sering rukuk dan sujud demi menggapai pahala dan rida-Nya. Disebutkan, bahawa tanda-tanda ciri khas bagi mereka adalah sinar, keanggunan dan ketenangan yang memancar pada muka mereka, penampilan yang baik dan khusyu'. Perumpamaan ini telah tercantum dalam Taurat dan Injil. Pada mulanya, para sahabat adalah kelompok yang lemah dan minoriti, kemudian terus bertambah ramai dan kuat. Perumpamaan para sahabat Baginda ibarat tanaman yang menumbuhkan tunas dan dahan di sekelilingnya, lalu tanaman tersebut menjadi keras, kuat dan mengekalkan pertumbuhan tunas dan dahannya. Tanaman tersebut telah membuat penanamnya kagum kerana keteguhan dan keindahan penampilannya, sebagaimana yang dimaklumkan. Allah SWT juga menjanjikan kepada golongan beriman dengan mengampunkan dosa mereka serta menganjari mereka dengan pahala dan Syurga-Nya.

boardmix



Rajah 4:30: Perumpamaan Surah Al-Fath ayat 29

4.1.31 Al-Hadid : 20

Teks sumber:

﴿أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ
 كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرْتَهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ
 شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿٢٠﴾

Teks terjemahan:

Ketahuiilah (*) bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan hartabenda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamannya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (kesuatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya. (*) (20)

Nota kaki:

(*) Sesungguhnya ayat ini berhubung dengan orang-orang kafir yang bersikap demikian, tetapi ia juga menjadi amaran bagi orang-orang yang beriman supaya menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan yang buruk itu.

Di bab 3, terjemahan al-Hadīd :20 dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman menunjukkan **ketepatan** dengan Tafsir al-Razi.

Rumusan pengkaji: Pengkaji menyimpulkan terjemahan Abdullah Basmeih **jelas** dan **mudah difahami** dengan merujuk penjelasan dalam kurungan serta nota kaki. Secara ringkas, ayat berikut menjelaskan bahawasanya golongan yang mencintai hal dunia ibarat tumbuhan segar ditimpa dengan hujan, lalu kering-kontang melanda menyebabkan kebinasaan terhadap tumbuhannya. Jelaslah, bahawa kecintaan dunia hanyalah sementara, palsu dan olok-olok bagi mereka yang terpedaya dengannya. Oleh

demikian, pengkaji mengukuhkan lagi terjemahan tersebut dengan bersandar tiga kitab tafsir muktabar iaitu Tafsir al-Qur’ān al-Azim, Tafsir Munir dan Tafsir Jami’ al-Ahkam. Berikut adalah perincian yang dibuat:


Jadual 4.31: Perincian Tafsiran Surah Al-Ḥadīd ayat 20

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Kehidupan dunia hanyalah permainan semata yang penuh dengan kebatilan dan canda tawa yang tiada manfaat padanya, lalu berakhir. Kemudian, Allah SWT menurunkan perumpamaan untuk kehidupan seperti sawah ladang yang disirami hujan. Maka, tanaman di sawah ladang tersebut telah menyejukkan pandangan sesiapa sahaja yang melihatnya. Seluruh tanaman tersebut berwarna hijau kerana disirami dengan hujan yang cukup. Setelah itu, tidak berapa lama kemudian tanaman tersebut dilanda kekeringan sehingga tidak pernah hijau seperti sebelumnya. Demikianlah, gambaran golongan kafir yang tercengang dengan perhiasan dunia dan bezanya golongan beriman. Dijelaskan juga tanaman tersebut kering kontang tidak seperti sebelumnya segar yang dahulunya hijau berubah menjadi kuning kecoklat. Lalu, menjadi jerami yang tidak terpakai dan menyusahkan, begitulah kehidupan bagi orang kafir. Azab yang keras tersedia buat golongan kafir dan keampunan khusus untuk golongan beriman. Akhir sekali, dunia hanya menipu orang kafir, sedangkan golongan beriman hanya melalui dunia sebagai bekalan akhirat.
Tafsir Ibn Kathīr	Pada ayat ini Allah SWT merendahkan dan menghinakan kehidupan kerana perkara yang dihasilkan oleh hal-hal duniawi bagi penghuninya hanyalah permainan dan suatu yang meleakakan, perhiasan dan berbangga-bangga antara mereka tentang harta yang banyak dan anak. Demikianlah, Allah SWT memberikan perumpamaan tentang kehidupan dunia sebagai bunga yang akan musnah dan nikmat yang akan hilang seperti hujan yang turun setelah manusia berputus-asa. Seterusnya, tanaman-tanaman yang tumbuh disebabkan turunnya hujan padanya itu mengagumkan petani, maka demikianlah kehidupan dunia. Hal ini, telah membuatkan golongan kafir kagum dan menjadikan mereka itu makhluk paling rakus dan amat tertarik dengan kehidupan dunia. Kemudian, tanaman tersebut berubah menjadi kering sehingga menjadi kekuningan. Setelah itu, semua berubah menjadi lapuk, hancur dan keadaan tersebutlah digambarkan seperti kehidupan dunia. Apabila perumpamaan tersebut menunjukkan kehilangan dan musnahnya dunia pasti akan terjadi hari akhirat. Allah SWT juga memberi peringatan agar berhati-hati dengan kehidupan dunia dan menanamkan kecintaan terhadap kebaikan di dalamnya. Maka, kemewahan dan kenikmatan tersebut tidak ada di hari akhirat kecuali azab yang pedih atau keampunan serta redanya Allah SWT. Kehidupan dunia ini tidak lain hanya kesenangan yang tidak

kekal dan memperolok-olokkan sesiapa sahaja yang cenderung kepadanya. Sesungguhnya manusia itu telah terperdaya dan kagum terhadap kehidupan dunia sehingga yakin bahawasanya tiada alam lain selain dunia dan tidak ada akhirat setelahnya. Sedangkan, dunia ini sangat hina dan kecil jika hendak dibandingkan dengan alam akhirat.

Tafsir Munir Allah SWT menyatakan tentang perumpamaan dunia yang akan lenyap dan hilang disamping kekurangan faedah dan kegunaanya seperti tumbuhan yang menumbuh dengan air hujan hingga tumbuh besar dan dewasa, setelah itu musnah dan lenyap. Ini membuktikan bahawa dunia ibarat air hujan yang menumbuhkan tanaman yang mengagumkan petaninya, lalu tanamannya menjadi layu dan mengering setelah sebelumnya segar dan hijau. Seterusnya, setelah menjadi kering, ia remuk dan hancur ditiup angin. Kemudian, Allah SWT mengingatkan tentang perkara-perkara dunia yang membawa kebaikan adalah bekalan untuk akhirat. Adapun, Saïd bin Jubair menghuraikan bahawa dunia adalah kesenangan yang palsu ketika ia membawa dirimu kepada kelalaian.

boardmix



Rajah 4:31: Perumpamaan Surah Al-Hadid ayat 20

4.1.32 Al-Jumu'ah: 5

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ حُمِلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِنَسٍ مَثَلُ الْقَوْمِ

الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهِ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

Teks terjemahan:

(Sifat-sifat Nabi Muhammad itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang YaHūdi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (YaHūdi) yang ditanggungkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya) (*).

Nota kaki:

(*) Kaum YaHūdi disifatkan oleh Allah Ta'ala dengan sifat yang demikian buruknya, kerana mereka tetap berdegil mengingkari kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w), padahal dalam Kitab Taurat ada disebutkan sifat-sifat Baginda yang membuktikan kebenarannya. Maka bagaimana pula bandingan orang-orang Islam yang tidak mengamalkan ajaran-ajaran Islam.

Berdasarkan ayat di atas, pengkaji mendapati terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi.

Rumusan pengkaji: Terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman dilihat **jelas** dan **mudah** difahami kerana terdapat penjelasan dalam kurungan serta nota kaki. Hal ini bertujuan bagi memahamkan pembaca untuk mendalami terjemahan ayat itu. Rumusnya, ayat berikut membincangkan perumpamaan golongan YaHūdi. Keadaan tersebut telah menerangkan bahawasanya golongan YaHūdi tidak mentaati kandungan serta tidak mahu menerima kebenaran menerusi kitab Taurat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada mereka. Lalu diibaratkan seperti keldai yang membawa kitab-kitab tebal serta tidak mengetahui pengajaran di dalamnya. Kenyataan ini disebutkan di dalam perincian tafsir pilihan serta ringkasan peta minda sebagai maklumat dukungan. Berikut adalah:


Jadual 4.32: Perincian Tafsiran Surah Al-Jumu'ah ayat 5

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir al-Qurtūbī	Allah SWT menurunkan perumpamaan bagi kaum YaHūdi yang tidak mengamalkan Taurat dan tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW adalah seperti keldai

membawa kitab-kitab yang tebal. Kemudian, Maimun Bin Mihran menjelaskan bahawa keldai tersebut tidak mengetahui buku tebal yang ada di punggungnya atau bakul. Begitulah kaum YaHūdi. Dalam pada itu, terdapat peringatan daripada Allah SWT berkaitan mereka yang mempelajari ilmu kitab hendaklah memahaminya dan mengamalkannya agar tidak disamakan seperti kaum YaHūdi tersebut. Disebutkan lagi Allah SWT menyerupakan mereka kerana kitab Taurat sudah berada di tangan mereka, namun tidak mengamalkannya. Hal ini sama keadaannya keldai yang membawa kitab-kitab hanyalah berat bebannya yang ditanggung tanpa memperoleh manfaat daripadanya.

Tafsir Ibn Kathīr Allah SWT mencela orang-orang YaHūdi yang telah diberikan kitab Taurat serta diperintahkan kepadanya untuk diamalkan, namun sama sekali tidak mengikutinya. Keadaan begitu samalah perumpamaannya seperti keldai yang mengangkut kitab-kitab tebal akan tetapi tidak mengetahui isi kandungannya. Demikianlah, golongan YaHūdi yang diberi kitab Taurat, lalu mereka menghafal secara harfiah tetapi langsung tidak memahaminya serta tidak mempratikkan maksud yang terkandung di dalamnya. Malahan, mereka menakwilkan, menyesatkan dan merubahnya. Mereka itu lebih teruk daripada keldai kerana keldai tidak mempunyai kefahaman sama sekali terhadap kitab yang dipikulnya, bahkan mereka sebenarnya memiliki kefahaman tetapi tidak digunakan untuk memahaminya.

Tafsir Munir Perumpamaan kaum YaHūdi yang tidak mengamalkan Taurat. Setelah mereka diwajibkan untuk beriman kepada Taurat dan mengamalkan kandungannya, lalu mereka tidak mahu mengamalkannya serta mentaatinya ibarat keldai yang membawa kitab-kitab besar di atas punggungnya, padahal keldai itu tidak memahami perbezaan antara kitab dan sampah serta kotoran kerana tidak memiliki akal juga fikiran. Namun, kaum YaHūdi memiliki akal dan fikiran tapi tidak mengambil manfaat daripada Taurat dan memahami hakikat kebenaran. Mereka menghafal teks kandungannya, akan tetapi tidak mahu memahami dan tidak mempraktikkan isinya. Sebenarnya mereka itu lebih teruk daripada keldai kerana keldai sememangnya tidak mempunyai akal dan fikiran, sedangkan kaum YaHūdi sebaliknya.



Rajah 4:32: Perumpamaan Surah Al-Jumu'ah ayat 5

4.1.33 Al-Munāfiqūn: 4

Teks sumber:

﴿وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهِمْ خَشَبٌ مُسْتَنْدَةٌ
يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ ۚ﴾

Teks terjemahan:

Dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada tubuh badan mereka (dan tingkah lakunya); dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga (tertarik hati) mendengar tutur katanya (kerana manis dan pitah. Dalam pada itu) mereka adalah seperti batang-batang kayu yang tersandar (tidak terpakai kerana tidak ada padanya kekuatan yang dikehendaki). Mereka (kerana merasai bersalah, sentiasa dalam keadaan cemas sehingga) menyangka tiap-tiap jeritan (atau riuh rendah yang mereka dengar) adalah untuk membahayakan mereka. Mereka itulah musuh yang sebenar-benarnya maka berjaga-jagalah engkau terhadap mereka. Semoga Allah membinasa dan menyingkirkan mereka dari rahmatNya. (Pelik sungguh!) Bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsunya – dari kebenaran)? (4) Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Marilah (bertaubat) supaya Rasulullah meminta ampun (kepada Allah) untuk kamu”, mereka (enggan sambil) menggelengkan kepalanya; dan engkau melihat mereka berpaling (dari bertaubat) serta mereka berlaku sombong angkuh.(5) (Tidak ada faedahnya) kepada mereka, samada engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun, Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah pertunjuk kepada kaum yang fasik. (6)


Merujuk kepada bab lepas, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **tidak sama** dengan Tafsir *Mafātih al-Ghayb*.

Rumusan pengkaji: Namun, pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **jelas** dan **mudah difahami** dalam menerangkan perumpamaan golongan munafik tersebut dengan baik. Ringkasnya, ia telah dihuraikan dalam tiga kitab tafsir pilihan bagi menyokong kesesuaian terjemahan Abdullah Basmeih pada ayat berikut

iaitu dari sudut penampilan yang menipu, kelemahan dan ketakutan serta golongan munafik yang penuh dengan kepalsuan. Berikut adalah jadual bagi ketiga-tiga kitab tafsir pilihan:-

Jadual 4.33: Perincian Tafsiran Surah Al- Al-Munāfiqūn ayat 4

Tafsir	Perincian Tafsiran
Tafsir Ibn Kathīr	Orang munafik yang memiliki penampilan yang bagus dan sangat fasih berbicara sehingga sesiapa sahaja yang mendengar ucapan mereka akan tertarik kerana gaya bahasanya yang tinggi. Hakikatnya, mereka berada di puncak kelemahan, kegelisahan, kerisauan dan menjadi pengecut. Setiap kali berlakunya peristiwa, perkara atau ketakutan, mereka merasa mengecut dan tertuju kepada mereka. Sebenarnya mereka itu, tubuh-tubuh dan bentuk rupa yang tidak mempunyai makna.
Tafsir Munir	Allah SWT menjelaskan keadaan terpedaya dan tertipu dengan penampilan luaran dan fizikal golongan munafik. Ketika kamu melihat mereka, penampilan luar dan fizikal mereka yang baik, menarik, gagah dan sempurna sehingga membuatkan kamu kagum dan terpesona. Disaat orang munafik itu berbicara, mereka yang mendengar seolah-olah tertarik dengan ungkapan mereka yang dianggap benar dan jujur. Hal ini kerana kefasihan lidah, manis ucapannya dan mulut yang ramah ketika berbicara. Mereka laksana kayu yang didalam lapuk, busuk, rapuh dan kosong yang tersandar di tembok. Mereka hanyalah sekelompok manusia yang tidak memahami dan tidak tahu.
Tafsir al-Qurtūbī	Allah SWT memberikan perumpamaan beberapa orang lelaki yang memiliki penampilan yang bagus dan fizikalnya menawan. Mereka seakan-akan kayu bersandar ke dinding kerana tidak dapat mendengar dan tidak dapat memahami. Selain itu, mereka tidak mempunyai ruh dan tubuh yang tidak mempunyai hala tuju. Disebutkan juga Allah SWT mengumpamakan mereka dengan kayu yang sudah rapuh sehingga disandarkan kepada yang lain, tidak mengetahui apa yang ada pada dalamnya.




Rajah 4:33: Perumpamaan Surah Al-Munāfiqūn ayat 4

4.2 Kesimpulan bab

Dapatan daripada bab ini telah merumuskan terdapat 26 terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam Tafsir Sheikh Abdullah Basmeih bersesuaian konteks terjemahan. Namun begitu, terdapat tujuh terjemahan yang memerlukan penambahbaikan dalam membentuk kefahaman yang baik. Hal ini kerana, terjemahan yang komprehensif akan menyampaikan maksud yang tersurat mahupun tersirat kepada pembaca. Disamping itu, pengkaji akan mengutarakan gaya kaedah terjemahan yang bersesuaian mengikut konteks ayat.

boardmix



boardmix

Rajah 4:34: Analisis Kesesuaian Terjemahan Ayat Amthal Mussarahah